

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**STRATEGI TERJEMAHAN MAKNA DALAM SARI KATA FILEM  
'PUTERI GUNUNG LEDANG'**

**TAZ'IRAH NAILAH BINTI ABD. HADI**

Penulisan Ilmiah yang dikemukakan untuk memperolehi  
**Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Gunaan (Kepujian)**  
**Bahasa Melayu Komunikasi Profesional**

**Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa**

**Jun 2016**



**JABATAN PENGAJIAN MELAYU  
AKADEMI PENGAJIAN BAHASA**

**STRATEGI TERJEMAHAN MAKNA DALAM SARI KATA FILEM  
'PUTERI GUNUNG LEDANG'  
DISEDIAKAN OLEH**

**TAZ'IRAH NAILAH BINTI ABD. HADI  
2013267736**

Penulisan Ilmiah ini telah diterima oleh Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Gunaan (Kepujian) Bahasa Melayu Komunikasi Profesional Sesi 2015/2016

---

Penyelia

---

Tarikh

---

Tarikh

## **PENGAKUAN**

Dengan ini, saya ingin menyatakan bahawa segala kerja-kerja yang dilakukan dalam Penulisan Ilmiah ini telah dihasilkan tertakluk kepada peraturan Universiti Teknologi MARA . Ia merupakan karya yang asli dan dihasilkan oleh saya sendiri, kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumber rujukannya. Penulisan Ilmiah ini belum pernah dihantar atau diserahkan kepada mana-mana institusi akademik atau bukan akademik untuk tujuan pengijazahan atau lain-lain penganugerahan.

Sekiranya Penulisan Ilmiah ini telah terbukti melanggar perkara yang telah disebutkan di atas, saya dengan suka relanya akan mengenyepikan atau tidak menuntut sebarang hak untuk penganugerahan ijazah saya. Saya juga bersetuju supaya dikenakan tindakan disiplin berdasarkan peraturan yang telah termaktub oleh Universiti Teknologi MARA.

Nama : TAZ'IRAH NAILAH BINTI ABD. HADI  
No. Pelajar : 2013267736  
Program : IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN BAHASA GUNAAN  
(KEPUJIAN) BAHASA MELAYU KOMUNIKASI PROFESIONAL  
Fakulti : AKADEMI PENGAJIAN BAHASA  
Tajuk : STRATEGI TERJEMAHAN MAKNA DALAM SARI KATA FILEM  
'PUTERI GUNUNG LEDANG'

Tandatangan : .....

Tarikh : .....

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke atas ilahi dengan limpahan rahmat serta nikmat-Nya dapat juga saya menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Pertamanya, saya ingin mendedikasi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia saya yang telah banyak membantu saya dalam melaksanakan Penulisan Ilmiah ini. Terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Cik Midiyana Binti Mohamad. Hal ini kerana, penyelia saya ini telah banyak membantu dan memberi tunjuk ajar serta bimbingan kepada saya sewaktu melaksanakan projek tahun akhir Penulisan Ilmiah ini. Tanpa tunjuk ajar dan bimbingan daripada mereka mungkin Penulisan Ilmiah ini tidak dapat dihasilkan dan dilaksanakan dengan jayanya.

Jutaan terima kasih juga kepada ibu bapa saya yang banyak memberi sokongan kepada saya untuk menyiapkan penulisan ini. Ibu dan bapa saya juga banyak membantu saya dari segi kewangan untuk melaksanakan kajian ini dan segala yang berkenaan dengan kajian. Jasa dan pengorbanan yang diberikan sangat dihargai dan terima kasih tidak terhingga.

Seterusnya saya ingin memberi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada sahabat dan rakan-rakan yang juga banyak membantu dalam memberikan maklumat dan berkongsi ilmu sewaktu menjalankan kajian ini. Setiap bantuan dan pertolongan kalian sangat dihargai terutamanya kepada sahabat terbaik saya iaitu Faiz Syahmi Bin Mohamed dan Syarifa Binti Omar yang sentiasa memberi kata semangat tatkala saya berada dalam kelemahan atau putus asa dalam melaksanakan tugas ini.

Akhir kata, budi dan kebaikan yang dihulurkan, hanya Allah S.W.T sahaja yang mampu membalasnya. Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada sesiapa sahaja yang banyak memberi bantuan dan tunjur ajar serta ilmu yang berguna kepada saya sewaktu saya menjalankan kajian ini. Sekian, TERIMA KASIH.

Akademi Pengajian Bahasa  
UiTM Malaysia, Shah Alam

No 109, Jalan Balai Besar  
23000, Dungun Terengganu

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti jenis- jenis makna dalam sari kata filem ‘Puteri Gunung Ledang’ dan menganalisis strategi terjemahan makna yang terdapat di dalam filem tersebut. Berdasarkan filem ‘Puteri Gunung Ledang’, setiap data bagi jenis- jenis makna yang dijumpai diaplikasikan mengikut teori Geoffrey Leech (1974) dan segala strategi terjemahan yang dilakukan terhadap jenis- jenis makna yang dijumpai dilakukan berdasarkan teori Gottlieb (1992). Setiap ujaran yang terkandung di dalam filem yang dikaji mengandungi jenis – jenis makna yang tertentu dan diikuti dengan strategi terjemahan makna. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat ujaran bahasa sumber yang diterjemahkan ke sari kata bahasa sasaran yang mengandungi jenis – jenis makna tertentu dan diikuti oleh strategi terjemahan makna yang berikut. Namun, kajian turut mendapati bahawa tidak kesemua jenis- jenis makna yang terdapat dan tidak kesemua strategi terjemahan dapat diaplikasikan ke dalam terjemahan sari kata tersebut.

## ABSTRACT

*The research was conducted to identify the types of meaning that is found in 'Puteri Gunung Ledang' subtitles and to analyse the meaning translation strategy that can be found in that film. Based on the 'Puteri Gunung Ledang' film, every data for the types of meaning that is found was applied as according to Geoffrey Leech (1974)'s theory and all the meaning translation strategy that is done towards types of meaning found was applied based on Gottlieb (1992) 's theory. Every speech that is found on that film contained the types of meaning and was followed by meaning translation strategy. The study found that there is certain speech in the source language that was translated to the target language subtitles which is containing the certain types of meanings and was followed by the certain translation meaning strategy. Therefore, the study was also found that not all the types of meaning and the meaning translaton can be applied on that particular translation subtitles.*

# KANDUNGAN

<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
<b>PENGESAHAN</b>	<b>II</b>
<b>PENGAKUAN</b>	<b>III</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>IV</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>V</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>VI</b>
<b>BAB 1    PENDAHULUAN</b>	
1.0      Pengenalan	1
1.1      Pernyataan Masalah	3
1.2      Objektif Kajian	5
1.3      Persoalan Kajian	5
1.4      Kepentingan Kajian	5
1.5      Batasan dan Skop Kajian	6
1.6      Definisi Konsep	6
1.7      Kesimpulan	7
<b>BAB 2    KAJIAN LEPAS</b>	
2.0      Pengenalan	9
2.1      Kosa Ilmu	9
2.2      Ulasan Kritis	16
2.3      Kerangka Teori	20
2.3.1    Geoffrey Leech (1974)	20
i.      Makna Denotasi	20
ii.     Makna Konotasi	21
iii.    Makna Afektif	21
iv.     Makna Kolokasi	21
v.      Makna Stilistik	21
vi.     Makna Tematik	21
vii.    Makna Figuratif	22
viii.   Makna Pantangan	22
ix.     Makna Tekstual	
2.3.2    Gottlieb (1992)	22
i.      Strategi Pengembangan	23
ii.     Strategi Parafrasa	23

iii.	Strategi Pemindahan	24
iv.	Strategi Peniruan	24
v.	Strategi Transkripsi	25
vi.	Strategi Penyesuaian	25
vii.	Strategi Ringkasan	26
viii.	Strategi Pemecahan	26
ix.	Strategi Pengguguran	27
x.	Strategi Putus Asa	27
2.4	Kesimpulan	27
 <b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>		
3.0	Pengenalan	28
3.1	Pendekatan Kajian	28
3.2	Data Kajian	28
3.3	Tatacara Pengumpulan Data	29
3.4	Perlabelan dan Kerangka Analisis	31
3.4.1	Makna Denotasi	32
3.4.2	Makna Konotasi	32
3.4.3	Makna Afektif	32
3.4.4	Makna Kolokasi	33
3.4.5	Makna Stilistik	33
3.4.6	Makna Figuratif	33
3.5	Kerangka Analisis Strategi Terjemahan	34
3.5.1	Strategi Pemindahan	34
3.5.2	Strategi Parafrasa	34
3.5.3	Strategi Peniruan	35
3.5.4	Strategi Penyesuaian	35
3.5.5	Strategi Pengguguran	36
3.6	Kesimpulan	37
 <b>BAB 4 DAPATAN KAJIAN</b>		
4.0	Pengenalan	38
4.1	Analisis Kajian	38
4.1.1	Jenis- Jenis Makna	38
i.	Makna Denotasi	38
ii.	Makna Konotasi	42
iii.	Makna Afektif	46



iv.	Makna Kolokasi	49
v.	Makna Stilistik	51
vi.	Makna Figuratif	53
4.1.2	Strategi Terjemahan Makna	55
i.	Strategi Pemindahan	56
ii.	Strategi Parafrasa	58
iii.	Strategi Peniruan	59
iv.	Strategi Penyesuaian	62
v.	Strategi Pengguguran	64
4.2	Kesimpulan	65
<b>BAB 5 KESIMPULAN</b>		
5.0	Pengenalan	66
5.1	Rumusan Dapatan Kajian	66
5.2	Sumbangan Kajian	71
5.3	Cadangan dan Lanjutan	71
5.4	Kesimpulan	73

## **RUJUKAN**

## **LAMPIRAN**

# **BAB I**

## **PENDAHULUAN**

### **1.0 Pengenalan**

Bidang terjemahan memainkan peranan yang penting dalam kehidupan sesebuah masyarakat. Hal ini demikian kerana, dengan adanya konsep menterjemah atau dikenali sebagai penterjemahan ini, maka sesuatu perkara atau maklumat dapat diinterpretasi dan difahami dengan mudah. Tatkala menyentuh hal yang berkaitan dengan bidang penterjemahan ini, sudah tentu bidang ini melibatkan konsep menterjemah antara dua bahasa yakni bahasa sumber ke bahasa sasaran. Terdapat pelbagai konsep yang dapat digunakan untuk menterjemah sesuatu perkara, namun begitu, kajian ini lebih memfokuskan kepada konsep menterjemah dalam konteks sari kata filem atau pun televisyen. Penterjemahan sari kata dilihat sebagai mempunyai tiga fungsi utama iaitu pertama, masyarakat yang menonton tayangan filem atau siaran televisyen daripada bahasa asing dapat memahami tontonan mereka, kedua, sebagai memahami tanggungjawab sosial negara untuk memudahkan rakyat agar memahami ungkapan yang disebut di dalam bahasa asing melalui penyediaan sari kata walaupun tiada peruntukan atau enakmen undang-undang yang mewajibkan negara untuk berbuat sedemikian melainkan rasa tanggungjawab sosial nya sendiri dan yang ketiga, siaran yang ditayangkan dapat membantu penonton agar menghayati siaran yang ditayangkan memandangkan terbitan tempatan tidak mampu untuk menanggung jumlah jam siaran yang telah ditetapkan.

Menurut Hasuria Che Omar et al (2007:20), terjemahan audiovisual merupakan sejenis interaksi komunikatif yang berbeza daripada jenis komunikasi yang lain kerana terjemahan ini menggunakan lambang linguistik sasaran bagi mengiringi sumber aural dan elemen semiotik visual yang lain. Oleh hal yang demikian, terdapat dua kaedah atau cara bagi menterjemah audiovisual iaitu yang pertama, dalam bentuk visual yang merupakan teks bertindih di atas gambar dan ini dinamakan sebagai sari kata dan yang kedua adalah dalam bentuk audio iaitu, alih suara daripada bahasa sumber ke bahasa sasaran. Kedua- dua kaedah ini adalah popular dan sering digunakan dalam kalangan penterjemah sari kata, namun ia bergantung kepada konteks, budaya dan faktor- faktor lain yang mempengaruhi penggunaan kaedah terjemahan

audiovisual. Hal ini demikian kerana, terdapat sesetengah siaran televisyen atau filem yang disiarkan tidak sesuai untuk diterjemah menggunakan kaedah alih suara, sebaliknya ia lebih sesuai diterjemah melalui kaedah audio. Oleh disebabkan itu, pemilihan kaedah terjemahan audiovisual lebih bergantung kepada kesesuaian konteks umum.

Seterusnya, apabila menyentuh hal berkaitan terjemahan dalam sari kata filem atau televisyen, sudah tentu istilah sari kata itu sendiri mempunyai definisi atau maknanya yang tersendiri. Menurut Wan Amizah (1998, hlm. 2), sari kata merupakan “Dialog atau pengucapan daripada satu bahasa sasaran dalam sesebuah rancangan yang dibuat dalam bentuk tulisan dan ditindih di atas layar filem atau skrin televisyen serta bersinkronis dengan dialog atau pengucapan bahasa sumber” (Sarinah Binti Sharif, 2014). Seterusnya, definisi sari kata turut dinyatakan oleh Pat Alexander dalam *Broadcasting Gallery* (1998 dalam Wan Amizah, 1998, hlm. 1) bahawa sari kata adalah “*Printed dialogue or descriptive commentary superimposed on the screen to provide information in a language other than that on the soundtrack*”.

Selain itu, menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (1994:1192) sari kata didefinisikan sebagai terjemahan dialog dalam filem yang disiarkan serentak dengan tayangan filem berkenaan. Hal ini bermakna, sebaik sahaja ujaran atau suara dibunyikan di dalam bahasa sumber, maka sari kata akan turut tersedia yang ditindih pada gambar atau skrin berkenaan. Sari kata harus dipaparkan seiring dengan ujaran yang dikeluarkan agar penonton tidak salah dalam menafsir makna. Selain itu, terdapat peraturan atau ruangan yang perlu dipatuhi oleh penterjemah agar sari kata yang ditayangkan tidak melebihi daripada ruangan yang dibenarkan.

Dalam sesebuah terjemahan filem atau siaran televisyen, sari kata memainkan peranan penting bagi meliputi sebahagian daripada gambar yang dipaparkan. Mengikut kelazimannya, sari kata hanya boleh berada dalam kurungan dua baris sahaja dan hal ini memerlukan teknik penyuntingan yang betul agar sari kata yang dipaparkan boleh dibaca oleh penonton. Menurut Hasuria Che Omar et al (2009:133), teknik penyuntingan turut memainkan peranan yang besar dalam penentuan hasil akhir sari kata iaitu mematuhi norma dan kelaziman penghasilan sari kata dan paparan dari segi teknikalnya. Namun begitu, jika dibandingkan antara aspek teknikal dengan aspek bahasa atau linguistik, aspek bahasa atau linguistik lebih dititikberatkan dalam penghasilan terjemahan sari kata audiovisual ini. Hal ini demikian kerana, penjagaan khusus dari aspek bahasa atau linguistik akan menghasilkan terjemahan yang baik dan berkualiti.

Sari kata merupakan elemen yang memainkan peranan yang amat penting dalam dunia penyiaran sesebuah rancangan televisyen atau sesebuah filem. Namun begitu, terdapat sesetengah penonton yang mungkin tertanya-tanya akan sesetengah perkataan yang dikekalkan bahasa dan bentuknya mahupun yang diubah. Jika dilihat, terdapat sesuatu istilah yang dikekalkan dan terdapat juga istilah yang diterjemah secara langsung. Hal ini bergantung kepada keperluan sama ada perlu menterjemah sesuatu istilah atau sebaliknya. Umum juga tidak mengetahui bahawa terdapat istilah yang perlu dikekalkan dan terdapat juga yang harus diterjemah kan dan hal ini menimbulkan tanda tanya dalam kalangan penonton televisyen khususnya.

Selain itu, terjemahan sesuatu sari kata sudah semestinya mempunyai makna atau maksud. Melalui makna, maka baru lah tontonan dapat difahami oleh umum. Namun begitu, setiap terjemahan sari kata daripada bahasa sumber ke bahasa sasaran bukan sahaja harus difahami dari sudut semantik semata-mata, malah perlu difahami dari sudut pragmatik juga. Semantik adalah fahaman sesuatu ayat berdasarkan makna perkataan-perkataan yang dinyatakan manakala pragmatik pula didorong oleh makna lain di sebalik sesuatu ayat tertentu. Pragmatik sering dikaitkan dengan konteks atau keadaan, maka penonton akan dapat memahaminya dengan jelas. Semantik dan pragmatik berkait rapat di antara satu sama lain yang juga digunakan di dalam penterjemahan sari kata.

Maka dengan itu, dalam menterjemah sesuatu perkataan atau dalam bentuk ayat dari bahasa sumber ke bahasa sasaran, terdapat beberapa strategi terjemahan yang dapat digunakan agar penterjemah dapat menghasilkan penyarikataan yang tepat dan sesuai dengan fahaman penonton. Begitu juga dengan makna-makna yang terhasil melalui penyarikataan tertentu. Kajian mengenai sari kata ini secara tidak langsung dapat mengetahui mengenai strategi-strategi terjemahan yang digunakan serta jenis-jenis makna yang terdapat di dalam sesuatu ayat terjemahan.

### **1.1 Pernyataan Masalah**

Proses menterjemah sari kata merupakan suatu bidang kerja yang kompleks dan rumit. Hal ini demikian kerana, penterjemah harus mengambil kira beberapa aspek sebelum menterjemah sesuatu perkataan atau ayat ke dalam bahasa sasaran. Sesuatu terjemahan menjadi rumit apabila ia melibatkan makna perkataan dan strategi terjemahan bagi sesuatu perkataan atau

ayat. Penterjemah tidak dibenarkan menterjemah sesuatu perkataan atau ayat tanpa memahami makna sesuatu perkataan dan dengan mengeneipkan strategi menterjemah yang tepat.

Perkara umum yang menjadi permasalahan di dalam proses menterjemah adalah makna. Umumnya, setiap perkataan mempunyai banyak makna dalam semua bahasa dan tidak khusus kepada sesuatu makna semata-mata, oleh itu penterjemah harus benar-benar memahami akan makna sesuatu perkataan dengan jelas dan tepat sebelum menterjemahkannya ke dalam bahasa sasaran. Setiap perkataan dapat difahami maknanya dari sudut semantik nya, tetapi ia mungkin membawa makna selain daripada makna sebenar perkataan tersebut. Oleh itu, amat penting untuk difahami akan makna sebenar sesuatu perkataan atau ayat tertentu. Hal ini kerana, pentafsiran makna yang salah akan membawa kepada terjemahan makna yang tidak tepat di dalam bahasa sasaran. Apabila hal tersebut berlaku, maka akan berlakunya kecelaruan makna di dalam bahasa sasaran. Hal tersebut akan menyebabkan sesuatu mesej gagal untuk disampaikan kepada penonton dalam bahasa sasaran tersebut. Hal ini secara tidak langsung turut memperlihatkan kualiti yang rendah dalam kalangan penterjemah sebagai golongan yang profesional.

Selain itu, kajian ini juga melibatkan penemuan makna dengan strategi terjemahan makna yang terdapat di dalam sari kata filem 'Puteri Gunung Ledang'. Strategi menterjemah juga merupakan suatu perkara yang memerlukan perhatian yang wajar di dalam proses terjemahan sari kata. Maka, penterjemah harus bijak memilih strategi menterjemah makna yang tepat agar selari dengan makna yang terdapat di dalam bahasa sumber. Hal ini demikian kerana, tidak kesemua perkataan atau ayat dapat diterjemah secara langsung, sebaliknya ia harus diterjemah mengikut strategi terjemahan yang bersesuaian. Sekiranya strategi menterjemah tidak diambil kira, ia akan menghasilkan sari kata terjemahan yang sukar untuk difahami dalam kalangan penonton sasaran. Strategi menterjemah yang tidak tepat juga akan membawa kepada kecelaruan makna di dalam bahasa sasaran.

Oleh itu, makna dan strategi menterjemah sari kata ke dalam bahasa sasaran merupakan perkara yang sering menjadi permasalahan dalam kalangan penterjemah terutamanya untuk menjadikannya bertepatan dengan bahasa sasaran. Tafsiran makna yang salah serta strategi menterjemah yang tidak tepat menghasilkan terjemahan sari kata yang tidak tepat dan gagal di dalam proses penyarikataan.

## **1.2 Objektif Kajian**

Kajian mengenai makna dalam terjemahan sari kata filem perlu dilakukan bagi mengetahui jenis- jenis makna dan strategi menterjemah makna yang digunakan. Kajian ini dilakukan adalah khusus untuk meneliti jenis- jenis makna dan strategi menterjemah makna yang terdapat di dalam sari kata filem ‘Puteri Gunung Ledang’. Objektif kajian ini dilakukan adalah untuk :

**1.2.1** Mengenal pasti jenis- jenis makna yang terlibat dalam sari kata filem Puteri Gunung Ledang.

**1.2.2** Menganalisis strategi terjemahan yang digunakan untuk menterjemah makna di dalam sari kata filem Puteri Gunung Ledang.

## **1.3 Persoalan Kajian**

**1.3.1** Apakah jenis- jenis makna yang terlibat dalam sari kata filem ‘Puteri Gunung Ledang’?

**1.3.2** Apakah strategi terjemahan yang digunakan untuk menterjemah makna di dalam sari kata filem Puteri Gunung Ledang?

## **1.4 Kepentingan Kajian**

Kajian ini dilakukan adalah untuk menyebarkan ilmu berkenaan dengan bahasa Melayu, terutamanya mengenai ilmu yang melibatkan proses penterjemahan dan penyarikataan. Melalui kajian ini, ilmu- ilmu yang berkaitan dengan proses penterjemahan dan penyarikataan dapat diperkembangkan lagi secara meluas. Selain itu, ilmu ini dapat digunakan sebagai ilmu tambahan dalam kalangan penterjemah sedia ada bagi membantu golongan tersebut menghasilkan karya terjemahan yang berkualiti serta terbaik. Tambahan pula, kajian ini akan memberi kesedaran dalam kalangan penterjemah mengenai kepentingan mempunyai ilmu terjemahan yang mendalam terutamanya mengenai aspek makna dan strategi menterjemah yang tepat seiring dengan bahasa sasaran.

Sebelum ini, kajian mengenai sari kata hanya menumpukan kepada kepentingan aspek teknikal semata-mata dan memandang ringan akan aspek makna yang merupakan perkara yang penting dalam menyampaikan pemahaman kepada penonton, maka kajian dilakukan untuk mengkaji mengenai aspek makna dan strategi menterjemah dengan tepat agar dapat memberi maklumat tambahan kepada penterjemah dalam menterjemah sesuatu sari kata ke dalam bahasa sasaran.

Ilmu yang mendalam di dalam bidang penterjemahan merupakan aspek utama yang perlu dipatuhi oleh penterjemah. Penterjemah perlu mengetahui ilmu yang mendalam terutamanya dari aspek makna sama ada di bahasa sumber dan bahasa sasaran agar dapat menterjemah dengan betul. Begitu juga dengan kepakaran di dalam menggunakan strategi- strategi menterjemah yang tepat agar bentuk dan mesej asal dapat disampaikan kepada penonton sasaran. Oleh itu, kajian ini memberi pemahaman akan jenis- jenis makna yang diperoleh serta strategi menterjemah yang digunakan di dalam sari kata filem. Diharap agar kajian ini dapat menjadi sumber rujukan dan pedoman kepada penyari kata dalam memantapkan lagi kerja- kerja penarikataan pada masa akan datang.

### **1.5 Batasan dan Skop Kajian**

Kajian yang dilakukan ini bertajuk ‘Jenis- Jenis Makna Dalam Terjemahan Sari Kata Filem Puteri Gunung Ledang’.

Kajian ini hanya terhad kepada penggunaan satu bahan sahaja untuk dijadikan sebagai data iaitu menggunakan filem yang bertajuk ‘Puteri Gunung Ledang’. Kajian juga hanya memfokuskan kepada jenis- jenis makna dan strategi menterjemah makna semata-mata.

Bagi menjalankan kajian ini, teori Leech (1974) dan Gottlieb (1992) digunakan bagi memperoleh hasil kajian yang tepat dan betul mengikut tajuk kajian yang dilakukan.

### **1.6 Definisi Konsep**

Definisi konsep digunakan bagi menerangkan beberapa istilah yang terlibat di dalam kajian yang dilakukan ini. Tujuannya adalah untuk memudahkan pembaca agar memahami istilah- istilah tertentu dengan lebih jelas.

### **1.6.1 Sari Kata**

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (1994:1192) sari kata didefinisikan sebagai terjemahan dialog dalam filem yang disiarkan serentak dengan tayangan filem berkenaan.

### **1.6.2 Terjemahan Audiovisual**

Menurut Hasuria Che Omar et al (2007:20), terjemahan audiovisual merupakan sejenis interaksi komunikatif yang berbeza daripada jenis komunikasi yang lain kerana terjemahan ini menggunakan lambang linguistik sasaran bagi mengiringi sumber aural dan elemen semiotik yang lain.

### **1.6.3 Makna**

Makna dapat dilihat daripada sudut pendekatan ‘Teori Idealistik’ yang menganggap makna sebagai ilmu tentang bahasa yang bersifat kebatinan dalam diri pengguna, yang bersarang dalam pemikiran dan imaginasi mereka.

### **1.6.4 Bahasa Sumber**

Bahasa sumber merupakan bahasa asal yang digunakan oleh penterjemah sebagai sumber asli atau asal di dalam terjemahan nya.

### **1.6.5 Bahasa Sasaran**

Bahasa sasaran pula merupakan bahasa yang diterjemahkan atau dialih untuk penonton atau pembaca sasaran. Pendek kata, bahasa sasaran adalah bahasa yang ingin atau telah diterjemah daripada bahasa sumber yang merupakan bahasa asal.

### **1.6.6 Strategi Terjemahan Makna**

Gottlieb (1992) telah mengutarakan cadangan sepuluh asas penting yang perlu diberikan perhatian dalam melakukan strategi terjemahan apabila menghasilkan dan menilai sari kata yang melibatkan dua bahasa yang berbeza. Sepuluh asas penting tersebut ialah pengembangan (expansion), parafrasa (paraphrase), pemindahan (transfer), peniruan (imitation), transkripsi (transcription), penyesuaian (dislocation), ringkasan (condensation), pemecahan (decimation) dan pengguguran (deletion). Satu lagi penyelesaian akhir yang turut dicadangkan ialah putus asa (resignation).



## **1.7 Kesimpulan**

Makna memainkan peranan yang penting dalam konteks penarikataaan daripada bahasa sumber ke bahasa sasaran. Penterjemah atau penyari kata harus memahami dan mempunyai pengetahuan yang tinggi mengenai makna serta strategi menterjemah makna daripada bahasa sumber ke bahasa sasaran. Hal ini demikian kerana, pengetahuan yang mendalam mengenai ilmu penterjemahan akan menghasilkan sebuah terjemahan yang berkualiti. Bukan itu sahaja, aspek yang paling utama di dalam menterjemahkan bahasa sumber ke bahasa sasaran adalah untuk memastikan penonton atau pendengar memahami akan apa yang dimaksudkan. Sekiranya makna daripada bahasa sumber diterjemahkan dengan salah di dalam bahasa sasarannya, maka sesuatu terjemahan dikatakan gagal kerana maknanya adalah tidak selari. Apabila hal yang demikian berlaku, maka penonton tidak dapat menjiwai sesebuah penceritaan yang ditontonnya.

Maka dengan itu, kajian ini dilakukan untuk meneliti jenis- jenis makna yang terlibat di dalam sari kata filem ‘Puteri Gunung Ledang’ serta strategi menterjemah makna yang digunakan bagi menterjemah setiap makna perkataan tersebut. Kajian ini turut menggunakan teori penterjemahan yang tertentu bagi memastikan kajian yang dilakukan adalah berlandaskan teori yang betul. Bagi melaksanakan kajian ini, data yang digunakan adalah dari filem ‘Puteri Gunung Ledang’. Oleh itu, setiap sari kata yang terdapat di dalam filem tersebut akan dikaji bagi menepati objektif kajian yang dilakukan.

## BAB II


### KOSA ILMU

#### 2.0 Pengenalan

Dalam bab ini, segala maklumat dan kajian yang pernah dilakukan terhadap bidang terjemahan dan perkaitannya dengan aspek makna akan dikemukakan.

#### 2.1 Kosa Ilmu

Norhayati Alias (2007) telah menjalankan kajian yang bertajuk ‘Terjemahan Berganti Sarikata Dalam Siri Telenovela : Kajian Kesamaan Makna dari bahasa Sepanyol ke bahasa Melayu’. Berdasarkan kajian beliau, beliau telah mengkaji kesamaan aspek makna dari bahasa sumber ke bahasa sasaran dalam terjemahan berganti sarikata. Menurut beliau, terjemahan berganti adalah terjemahan yang melibatkan tiga bahasa, iaitu bahasa asal (A) menjadi bahasa sumber kepada bahasa sasaran (B) dan bahasa sasaran (B) menjadi bahasa sumber kepada bahasa sasaran (C). Hal ini dapat dilihat dengan jelas berdasarkan rajah yang berikut :





Bahasa Sasaran C  
(B. Melayu)

Oleh hal yang demikian, beliau telah memilih telenovela yang berjudul ‘Yo Soy Betty La’ sebagai sampel kajian yang mempunyai episod yang paling panjang iaitu 169 episod. Beliau membuat kajian mengenai terjemahan berganti sarikata untuk mengenal pasti kesilapan-kesilapan terjemahan dari segi makna, menghasilkan klasifikasi kesilapan dalam terjemahan berganti dan memberi penjelasan serta memberi gambaran am tentang keberkesanan terjemahan sarikata berganti dalam siri telenovela ini. Berdasarkan kajian yang dilakukan, beliau mendapati bahawa terdapat empat jenis masalah umum dalam terjemahan berganti iaitu kesilapan laras bahasa, kesilapan terjemahan, pelepasan serta penambahan makna.

Kesilapan dari aspek laras bahasa berlaku apabila penterjemah dilihat cenderung menterjemah menggunakan gaya bahasa tulisan dan hal ini menyebabkan ujarannya kedengaran agak janggal dan tidak bersahaja. Masalah ini juga dikatakan bertentangan dengan prinsip yang telah dikemukakan oleh Nida iaitu prinsip kesamaan dinamis yang mementingkan penggunaan bahasa semulajadi. Oleh itu, berdasarkan prinsip tersebut, penterjemah harus menterjemah secara bersahaja dan dapat difahami oleh penonton. Selain itu, kesilapan dari aspek terjemahan turut berlaku apabila penggunaan kata ganti nama dan gelaran merupakan elemen kesilapan terjemahan yang paling banyak ditemui. Beliau mendapati bahawa penterjemah tidak mempunyai pengetahuan yang cukup mengenai budaya bagi bahasa sumber dan bahasa sasaran terutamanya apabila ia melibatkan aspek gelaran. Umum mengetahui budaya Melayu mempunyai adat kesopanan yang tinggi terutamanya dalam sistem panggilan atau sapaan, maka penterjemah hendaklah berusaha memberi padanan yang paling hampir serta sesuai dengan bahasa dan budaya penonton sasaran, “such an adjustment to the receptor language and culture must result in a translations that bears no obvious trace of foreign origin”.( Nida: 1964).

Menurut beliau lagi, beliau mendapati bahawa terjemahan berganti sari kata ini turut membawa kepada masalah pelepasan. Pelepasan berlaku apabila penterjemah menggugurkan sesuatu leksikal atau perkataan tertentu daripada bahasa Sepanyol yang dianggap tidak penting olehnya. Pelepasan yang sering dilakukan adalah pelepasan kata panggilan, pelepasan ujaran, pelepasan atribut dan pelepasan gelaran. Namun begitu, pelepasan ini menyebabkan fokus dan

fahaman penonton terganggu terhadap cerita yang ditonton. Juga, pelesapan merupakan elemen yang mencacatkan mutu penterjemahan. Seterusnya, aspek penambahan makna juga turut menjadi permasalahan dalam terjemahan berganti sari kata. Penambahan makna berlaku akibat daripada kewujudan mesej dalam bahasa sasaran yang tidak terdapat dalam bahasa sumber. Ini bermakna mesej tersebut tiada dalam skrip atau dialog dalam bahasa Sepanyol dan tidak dituturkan, sebaliknya kesilapan ini berlaku disebabkan oleh skrip terjemahan perantara.

Menurut Norhayati Alias (2007), keberkesanan sari kata yang menggunakan kaedah terjemahan sari kata berganti ini mempunyai kelemahan dan kekurangan. Namun begitu, sari kata yang dihasilkan masih memberi manfaat terhadap penonton apabila sari kata tersebut masih dapat difahami mesej dan jalan ceritanya dalam kalangan penonton. Hal ini bermakna, penyari kata atau penterjemah yang menggunakan terjemahan sari kata berganti ini berjaya menyampaikan mesej umum yang terdapat di dalam telenovela berkenaan, tetapi tidak dapat menyampaikan unsur yang berkaitan adat dan budaya dengan tepat.

Sarinah Binti Sharif (2014) telah melakukan kajian mengenai 'Terjemahan Kata Kerja Bahasa Jepun ke Bahasa Melayu dalam Sari Kata Filem Animasi Jepun'. Kajian ini memfokuskan kepada makna dan bentuk morfologi kata kerja di dalam terjemahan kata kerja bahasa Jepun kepada kata kerja bahasa Melayu. Beliau telah menggunakan dua buah filem sebagai sampel kajian iaitu *Majon Takkyubin* dan *Umi ga Kikoeru* bagi mengkaji bentuk kata kerja bahasa Jepun dan diterjemahkan kepada kata kerja bahasa Melayu. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh beliau, objektif kajiannya adalah untuk mengenal pasti pola kata kerja dalam kapsyen bahasa Jepun berbanding variasi pola kata kerja bahasa Melayu, menganalisis sejauh mana bentuk kata kerja yang paling banyak digunakan dalam kapsyen bahasa Jepun mempengaruhi bentuk kata kerja bahasa Melayu yang paling banyak digunakan dalam sari kata, menyiasat perkaitan antara konjugasi kata kerja bahasa Jepun dan padanan bahasa Melayu dalam penterjemahan sari kata, menghuraikan bagaimana kata kerja bahasa Jepun diterjemahkan ke bahasa Melayu dalam dua filem animasi Jepun dan mencadangkan padanan kata kerja bahasa Melayu yang sesuai sekiranya berlaku ketidakpadanan makna.

Hasil daripada kajian yang dilakukan oleh beliau, beliau mendapati bahawa bilangan variasi kata kerja sari kata BM dalam kedua-dua filem animasi adalah lebih sedikit daripada variasi kata kerja teks sumber (Sarinah Binti Sharif, 2014). Hal ini bermakna, variasi kata kerja

bahasa Jepun lebih banyak berbanding kata kerja di dalam bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana, kata kerja bahasa Jepun yang digunakan adalah daripada kata dasar bagi kata kerja itu sendiri dan apabila diterjemahkan kepada kata kerja bahasa Melayu, ia kata kerja yang digabungkan dengan perkataan lain seperti kata kerja bantu, adverba, kata nafi dan sebagainya. Namun begitu, sungguh pun penggunaan kata kerja dalam BM adalah sedikit tetapi kata kerja yang serupa digunakan secara berulang dan ini membawa kepada frekuensi penggunaannya yang tinggi. Misalnya, kata kerja BJ 'iku' digunakan sebanyak 18 kali, namun apabila diterjemah ke BM, frekuensi penggunaannya adalah tinggi iaitu sebanyak 62 kali. Selain daripada itu, beliau mendapati bahawa bentuk kata kerja BJ tidak mempengaruhi bentuk kata kerja BM kerana BJ lebih menggunakan kata kerja berkonjugasi seperti bentuk kamus bagi menerangkan pelbagai maksud. Jika dibandingkan dengan kata kerja BM yang digunakan dalam sari kata, ia lebih kepada bentuk kata dasar yang mempunyai bentuk kata terbitan. Beliau mendapati bahawa bentuk kata terbitan akhiran {-kan} adalah yang paling banyak digunakan iaitu 130 kata kerja bagi kedua-dua filem tersebut. Oleh itu, penggunaan kata dasar yang digunakan memperlihatkan bahawa kajian ini adalah dalam gaya bahasa pertuturan yang ringkas, pendek dan mudah difahami. Juga, beliau mendapati bahawa kebanyakan kata kerja BJ yang diterjemah kepada kata kerja BM memerlukan kata kerja bantu, adverba dan nafi. Juga, beliau mendapati bahawa terdapat pelbagai strategi terjemahan yang digunakan di dalam terjemahan kata kerja BJ ke BM ini seperti strategi pemindahan, generalisasi, pemecahan/pemotongan, penambahan, ringkasan, peniruan, pengguguran dan terjemahan bahasa kiasan. Terakhir, beliau mendapati bahawa mutu terjemahan dapat dipertingkatkan melalui pemantauan semula terjemahan yang dihasilkan secara berulang kali. Seterusnya, penterjemah juga harus sentiasa berusaha menambah kemahiran dalam kedua-dua bahasa iaitu bahasa sumber dan bahasa sasaran.

Kanchana Devi Sibeperegasam (2007) telah melakukan suatu kajian mengenai tajuk "Penterjemahan Perkataan Taksa: Satu Analisis Berdasarkan Novel Harry Potter And The Chamber of Secrets". Penyelidikan ini dilakukan oleh beliau adalah untuk mengkaji penerapan pendekatan pragmatik Baker (1992) dalam penterjemahan perkataan taksa daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana, persoalan yang timbul adalah apabila bahasa Melayu mempunyai sistem bahasa yang lain. Oleh hal yang demikian, pendekatan pragmatik Baker digunakan bagi tujuan untuk mengkaji situasi 'lebih terjemah' dan 'kurang terjemah' dalam penterjemahan. Juga, kajian ini turut menggunakan kaedah tersurat dan kaedah tersirat. Menurut beliau, terdapat dua data yang digunakan iaitu data A

dan data B. Data A adalah data yang mempunyai senarai perkataan taksa yang diperoleh daripada novel Harry Potter and The Chamber of Secrets. Seluruh perkataan yang taksa telah disenarai sebagai satu kelompok di dalam data A tersebut beliau menterjemah perkataan-perkataan tersebut diterjemah dengan menggunakan pendekatan pragmatik Baker. Seterusnya, data B pula adalah data yang berfungsi sebagai alat perbandingan dan pengukur bagi data A. Menurut beliau, dapatan yang diperoleh melalui kajian nya menunjukkan penggunaan kaedah tersirat apabila wujudnya konteks bagi maksud yang ingin disampaikan manakala kaedah tersurat ditemui apabila konteks yang ada tidak memadai dalam menyampaikan maksud sesuatu perkataan taksa itu. Kesepadanan pragmatik yang dihasilkan menunjukkan keadaan 'lebih terjemah' atau 'kurang terjemah' dalam erti kata penyampaian maksud sesuatu perkataan yang taksa (Kanchana Devi Sibeperegasam, 2007).

Salina Binti Mamat (2008) telah melakukan suatu kajian yang bertajuk 'Makna Dalam Penterjemahan : Satu Analisis Dalam Filem 'Transformers'. Fokus kajian beliau adalah untuk melihat aspek makna yang terlibat di dalam sari kata filem 'Transformers' serta meneliti perkaitan aspek budaya dalam menentukan pemilihan perkataan dalam sari kata. Bagi melaksana kajian yang berikut, beliau menggunakan kerangka teori yang dikemukakan oleh Puteri Roslina Abd Wahid (2007) iaitu makna rujukan, makna emosi, makna konotasi dan makna figuratif serta Teori Logik Simbol bagi melihat aspek makna dan perkaitan di antara aspek makna serta budaya. Berdasarkan kajian yang dilakukannya, ternyata terdapat jenis-jenis makna seperti yang dikelompokkan oleh Puteri Roslina Abd Wahid. Antara makna rujukan yang diperoleh berdasarkan sari kata filem tersebut adalah 'I want that mask' yang diterjemah kepada 'Saya mahukan topeng itu'. Selain itu, terdapat juga makna emosi yang terdapat berdasarkan jalan cerita filem tersebut iaitu 'I don't want to disappoint her' dan terjemahannya adalah 'Saya tidak mahu kecewakan dia'. Begitu juga dengan makna konotasi yang turut dijumpai iaitu 'I am really waiting for you to come' dan terjemahannya adalah 'Saya memang menunggu kedatangan kamu'. Namun begitu, filem 'Transformers' tidak menggunakan sebarang perkataan yang membawa kepada makna figuratif. Hal ini demikian kerana, bahasa sumber yang merupakan bahasa Inggeris sukar ditemui menggunakan peribahasa untuk menyatakan sesuatu perkara, malahan mereka adalah lebih gemar menggunakan perkataan yang nyata.

Kajian ini juga memperlihatkan perkaitan antara aspek makna dan aspek budaya dalam pemilihan sesuatu perkataan. Misalnya, 'This ceremony going to be rousing with his death' dan terjemahannya adalah 'Kenduri ini pasti meriah dengan kematiannya'. Antara perkataan

yang dikaitkan dengan unsur budaya bahasa sasaran adalah ‘ceremony’ yang diterjemah kepada ‘kenduri’. ‘Ceremony’ merupakan sebuah ‘upacara’, namun bagi menepati budaya sasaran, ia diterjemahkan kepada ‘kenduri’ kerana konsepnya adalah sama iaitu menikmati atas kematian seseorang.

Listiana Srisanti (2008) telah menjalankan kajian yang bertajuk ‘Analisis Makna Implisit dalam Novel Harry Potter and Prisoner of Azkaban’ yang dikarya oleh J.K Rowling. Beliau berpendapat bahawa makna implisit merupakan suatu elemen yang amat penting bagi mendapatkan perasaan dan emosi yang sama dari bahasa sumber dalam kalangan pembaca di dalam bahasa sasaran. Beliau telah mendapatkan data- data yang berkaitan dengan makna implisit. Selain itu, beliau turut menggunakan kaedah perbandingan deskripsi bagi melakukan analisis data. Bagi mendapatkan makna implisit yang baik, pembaca perlu mempunyai kemampuan atau daya untuk memastikan cara untuk menterjemah makna- makna yang berbeza dari novel tersebut. Sesetengah makna tidak disampaikan secara dalam eksplisit di dalam sesuatu teks. Makna- makna berikut dinyatakan sebagai makna implisit atau makna tersirat iaitu ;

Pertanyaan pertama :

“So when you told her, you were actually face to face with her? “

“Yes”

Pertanyaan kedua :

“In a position to see her reaction to the news?”

“Yes”

Bagi pertanyaan pertama dan kedua, kedua- duanya mengandungi jawapan yang sama iaitu ‘Yes’. Namun begitu, ‘yes’ bagi jawapan yang pertama dan kedua tidak membawa maksud yang sama. Maksud ‘Yes’ bagi pertanyaan pertama adalah berlainan dengan maksud ‘yes’ bagi pertanyaan kedua. Hal ini demikian kerana, maksud ‘yes’ bagi pertanyaan pertama membawa makna ‘Ya’ dan tidak melibatkan sebarang maksud lain manakala makna ‘yes’ bagi pertanyaan kedua menunjukkan emosi yang digunakan oleh seseorang untuk menyampaikan maksud ‘dendam’.

Oleh itu, hasil kajian menunjukkan bahawa makna implisit seharusnya diterjemahkan secara eksplisit apabila hukum di dalam bahasa sasaran memerlukannya.

Kajian berikutnya dilakukan oleh Goh Sang Seong ( 2013) yang berjudul ‘ Kaedah Terjemahan Kata Sendi Bahasa Cina- Bahasa Melayu’. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan teori kaedah terjemahan yang dikemukakan oleh Newmark (1988). Selain itu, beliau turut menggunakan tiga jenis teks terjemahan kesusasteraan sebagai data iaitu Mala Adan (1988), Keluarga (1995) dan Impian di Pelabuhan (2004). Berdasarkan kajian yang dilakukan, hasil kajian mendapati bahawa terdapat tiga kaedah terjemahan yang digunakan untuk menterjemah bahasa sendi daripada bahasa Cina ke bahasa Melayu, antaranya padanan sejadi, padanan makna dan pengguguran. Daripada tiga jenis kaedah ini, dapat dilihat aplikasi kaedah pengguguran melalui contoh yang berikut :

Contoh 1 :

Dia benar- benar sedih. Dia menangisi pemergian ayahnya (Bahasa Melayu)

Dia benar- benar sedih. Dia menangisi untuk/bagi pemergian ayahnya. (Bahasa Cina)

Kaedah pengguguran dapat dilihat apabila kata sendi ‘untuk/bagi’ digugurkan apabila ia diterjemahkan kepada bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana, tanpa kata sendi yang berikut di dalam bahasa Melayu, struktur ayatnya telah betul sekaligus mendukung makna yang serupa.

Contoh 2 :

Adik bongsu menyambut kepulangan ayah dengan tangisan yang serak (Bahasa Melayu).

Adik bongsu menyambut kepulangan ayah dengan tangisan yang serak (Bahasa Cina).

Berikut merupakan contoh bagi kaedah padanan sejadi. Hal ini demikian kerana, kedua- dua kata sendi yang terdapat di dalam bahasa sumber dan bahasa sasaran dapat ditejemah menggunakan kata sendi yang sama sekaligus memudahkan kerja penterjemahan dilakukan.

Contoh 3 :

Pembeli hanya perlu membawa barang- barang yang ingin dibeli ke kaunter, dan juruwang akan mengikut harga dengan memicit mesin kiraan tunai. Kemudian tercatatkan senarai harga yang perlu dibayar. Urusan ini lagi cepat (Bahasa Melayu).



Berikut merupakan contoh bagi kaedah padanan makna yang menterjemahkan kata sendi (an zhao) di dalam bahasa Cina kepada ‘mengikut’ di dalam bahasa Melayu. Hal ini berikutan dengan kata sendi di dalam bahasa Cina tersebut mendukung fungsi tatabahasa dan makna leksikal. Oleh itu, ia diterjemahkan kepada padanan yang sama makna bagi mengekalkan maksud yang serupa di antara bahasa sumber dan bahasa sasaran.

## **2.2 Ulasan Kritis**

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Norhayati Alias (2007) yang bertajuk ‘Terjemahan Berganti Sarikata Dalam Siri Telenovela : Kajian Kesamaan Makna dari Bahasa Sepanyol ke Bahasa Melayu’, kajian tersebut mempunyai kekuatan dan kelemahannya yang tersendiri. Kekuatan bagi kajian tersebut adalah pengkaji dapat mengenalpasti masalah yang terdapat di dalam kajiannya. Permasalahan tersebut meliputi empat perkara iaitu kesilapan laras bahasa, kesilapan terjemahan, pelesapan dan penambahan makna. Dengan menyenaraikan keempat-empat permasalahan ini, maka hal ini dapat dijadikan contoh kepada pengkaji lain yang turut ingin mengkaji perkara yang sama seperti kajian tersebut. Selain itu, kajian ini turut menyenaraikan contoh-contoh permasalahan bagi keempat-empat aspek bagi memudahkan lagi pemahaman dalam kalangan pembaca atau individu yang menjadikan kajian ini sebagai panduan. Namun begitu, kajian ini turut mempunyai kelemahannya iaitu aspek kesamaan makna kurang diberi perhatian sedangkan tajuk kepada kajian ini adalah ‘Kajian Kesamaan Makna dari Bahasa Sepanyol ke Bahasa Melayu’. Beliau kurang memberi penekanan terhadap aspek kesamaan makna yang turut perlu dijadikan sebagai hasil kajian beliau di dalam kajiannya. Tambahan pula, beliau hanya menulis sesuatu ujaran yang terdapat di dalam bahasa Sepanyol dengan menggunakan bahasa Sepanyol dan menterjemahkan kepada bahasa Melayu tanpa menerangkan perkataan tertentu yang mempunyai kesamaan makna dengan bahasa Melayu. Sebaliknya, beliau hanya menterjemah dan menyenaraikan perkataan yang mempunyai kesamaan makna semata-mata. Oleh itu, kajian ini dilihat tidak kena dengan tajuknya seperti yang tertera di atas. Bukan itu sahaja, kajian ini juga melakukan kajian mengenai kesamaan makna secara umum tanpa memilih kerangka teori yang tertentu bagi mengelaskan makna-makna yang sama tersebut mengikut kategori makna seperti makna denotasi, konotasi dan sebagainya. Maka, aspek kesamaan makna dianggap terlalu umum.

Oleh hal yang demikian, kajian yang dilakukan oleh beliau mempunyai persamaan dengan kajian yang sedang dilakukan iaitu melihat aspek makna dari sarikata filem yang dijadikan sebagai data kajian. Namun begitu, kajian beliau lebih menumpukan terhadap aspek

permasalahan di dalam terjemahan sari kata dan hanya memfokuskan aspek makna secara umum dan terbuka semata-mata. Berbeza pula dengan kajian yang dilakukan ini, iaitu mengkaji aspek makna yang terdapat di dalam sari kata berdasarkan pengelasan jenis-jenis makna mengikut teori Geoffrey Leech.

Kajian berikutnya dilakukan oleh Sarinah Binti Sharif (2014) yang bertajuk ‘Terjemahan Kata Kerja Bahasa Jepun ke Bahasa Melayu dalam Sari Kata Filem Animasi Jepun’. Kajian ini juga mempunyai kemaslahatan dan kelemahannya. Kemaslahatan bagi kajian ini adalah ia memperlihatkan kata kerja di dalam bahasa Jepun dengan menyenaraikannya satu persatu di dalam jadual yang terdapat pada kajiannya. Oleh itu, hal ini memudahkan pembaca untuk memahami akan jenis kata kerja yang terdapat di dalam bahasa Jepun di samping memberi pemahaman yang jelas. Selain itu, kajian ini juga turut menepati objektif kajiannya iaitu menterjemahkan kata kerja di dalam bahasa Jepun ke bahasa Melayu yang membolehkan pembaca memahami dengan jelas akan kajian yang dilakukannya. Bukan itu sahaja, kajian ini turut melihat aspek makna bagi kata kerja yang diterjemah ke dalam bahasa Melayu dan hal ini memberi pengetahuan tambahan kepada pembaca mengenai aspek makna yang tertentu. Selain itu, kajian ini turut menceritakan bagaimana sesuatu kata kerja diterjemah dan hal ini dapat dijadikan panduan kepada individu yang ingin mengkaji mengenai terjemahan kata kerja. Namun begitu, kajian ini turut mempunyai kelemahannya apabila pengkaji tidak memilih filem yang mempunyai data yang banyak berkenaan tajuk kajiannya. Maka, terjemahan kata kerja bahasa Jepun ke bahasa Melayu tidak terlalu jelas dan seolah-olah tidak mencukupi bagi pembaca. Tambahan pula, pengkaji tidak menerangkan sebab mengenai kata kerja bahasa Melayu yang perlu digandingkan dengan kata kerja bantu, adverb dan kata nafi. Hal ini menyebabkan pembaca tertanya-tanya akan perkaitan antara kata kerja bahasa Melayu dengan kata bantu, adverb dan kata nafi. Terakhir, kajiannya tidak tersusun dan menyebabkan pembaca terpaksa merujuk kepada lampiran yang disediakan bagi memahami data-data tertentu.

Walau bagaimanapun, kajian ini turut mempunyai persamaan dengan kajian yang sedang dilakukan iaitu kajian ini turut memfokuskan kepada aspek makna bagi terjemahan kata kerja di dalam bahasa Melayu. Namun begitu, ia terlalu umum. Selain itu, kajian ini juga turut mempunyai persamaan apabila ia turut melihat bagaimana sesuatu kata kerja diterjemahkan atau secara ringkasnya, kaedah terjemahan yang digunakan. Perkara yang membezakannya dengan kajian yang dilakukan ini adalah kajiannya tidak terikat dengan kerangka teori bagi

jenis makna dan strategi terjemahan seperti yang digunakan di dalam kajian yang sedang dilakukan ini.

Seterusnya merupakan kajian yang dilakukan oleh Kanchana Devi Sibeperegasam (2007) yang bertajuk ‘Penterjemahan Perkataan Taksa : Satu Analisis Berdasarkan Novel Harry Potter And The Chamber of Secrets’. Kajian yang dilakukan oleh beliau adalah ringkas dan mudah difahami dalam kalangan pembaca. Hal ini demikian kerana, beliau menyatakan dengan ringkas dan padat mengenai objektif kajian yang dilakukannya. Selain itu, beliau turut menyenaraikan perkataan –perkataan yang taksa yang terdapat di dalam novel yang dikaji tersebut. Tambahan pula, beliau turut menjelaskan sesuatu makna bagi perkataan yang taksa dengan memberi penerangan yang jelas pada bahagian dapatan kajian. Oleh hal yang demikian, pembaca dapat merujuk perkataan- perkataan yang taksa beserta makna tersirat di sebaliknya. Namun begitu, kajian ini juga tidak terlepas dari kelemahan yang terdapat pada sesuatu kajian. Kajian ini tidak menjelaskan dengan lebih lanjut mengenai pendekatan Baker yang digunakan untuk menterjemah perkataan yang taksa dari bahasa sumber ke bahasa sasaran. Hal ini menyebabkan timbulnya tanda tanya dalam kalangan pembaca akan kandungan di sebalik pendekatan pragmatik Baker (1992).

Kajian ini hanya mempunyai persamaan dari segi terjemahan dari bahasa sumber ke bahasa sasaran semata- mata dengan kajian yang dilakukan ini. Hal ini demikian kerana, kajian beliau hanya memfokuskan kepada terjemahan perkataan taksa semata- mata dengan menggunakan novel sebagai data kajian manakala kajian ini dilakukan untuk mengkaji aspek makna dengan menggunakan filem sebagai data kajian.

Seterusnya adalah kajian yang dilakukan oleh Salina Binti Mamat (2008) yang bertajuk ‘Makna Dalam Penterjemahan’. Kajian ini mempunyai kebaikan beserta kelemahannya juga. Antara kebaikan yang ditemui adalah ia melakukan kajian yang jelas mengenai aspek makna. Beliau menjelaskan makna- makna yang ditemui dengan nyata dan jelas sehingga membuatkan pembaca memahami akan objektif kajian yang dilakukannya. Selain itu, beliau turut menyenaraikan akan jenis- jenis makna yang ditemui berdasarkan teori yang dipihnya. Ternyata beliau melakukan kajian dengan betul mengikut teori yang digunakan. Bukan itu sahaja, beliau turut mengemukakan dialog dari bahasa sumber ke bahasa sasaran bagi memudahkan lagi pemahaman pembaca. Namun begitu, kajian ini turut mempunyai kelemahannya apabila beliau seolah- olah cuba menerangkan aspek lain yang tidak berkaitan pada bahagian pendahuluan. Aspek tersebut adalah berkaitan dengan kata ganti nama, kata

sapaan dan sebagainya yang dianggap sebagai tidak perlu bagi memenuhi ruang pada bahagian pendahuluan. Tambahan pula, beliau agak kurang mempamerkan kajian yang dilakukan bagi objektif kajian yang kedua iaitu mengenai aspek budaya beserta penjelasan mengenainya.

Walau bagaimanapun, kajian ini masih lagi dapat difahami dan boleh dikategorikan sebagai kajian yang lengkap walaupun isi kajiannya agak tidak mencukupi. Bukan itu sahaja, kajian beliau turut mempunyai persamaan dengan kajian yang dilakukan ini. Antaranya adalah mengkaji mengenai aspek makna tetapi berbeza kerangka teori yang digunakan iaitu beliau menggunakan teori Puteri Roslina Abd Wahid manakala kajian yang sedang dilakukan ini menggunakan kerangka teori oleh Gottlieb (1992).

Tambahan pula, kajian dilakukan oleh Listiana Srisanti (2008) yang bertajuk ‘Analisis Makna Implisit dalam Novel Harry Potter and Prisoner of Azkaban’ yang ditulis oleh J.K Rowling. Kajian yang dilakukannya adalah menarik kerana beliau mengkaji mengenai makna implisit di dalam novel. Makna implisit amat penting untuk dikaji kerana ia merupakan makna tersirat yang mempunyai makna lain disebalik kata tersebut. Melalui kajiannya, beliau memberi ilmu tambahan kepada pembaca untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai makna implisit. Bukan itu sahaja, beliau melakukan kajiannya dengan bagus apabila berjaya menerangkan makna implisit yang terkandung tanpa melibatkan konteks tetapi, masih dapat difahami kerana penulisannya. Penulisannya adalah ringkas tetapi padat. Bukan itu sahaja, pembaca turut memahami dengan jelas akan sesebuah teori yang digunakannya.

Kajian yang dilakukan oleh beliau turut mempunyai persamaan dengan kajian yang dilakukan ini iaitu mengkaji aspek makna. Namun, yang membezakan kajian beliau dengan kajian yang sedang dilakukan ini adalah beliau mengkaji makna implisit manakala kajian ini memfokuskan kepada aspek jenis- jenis makna.

Terakhir, kajian yang dilakukan oleh Goh Sang Seong (2013) yang berjudul ‘Kaedah Terjemahan Kata Sendi Bahasa Cina- Bahasa Melayu’ juga merupakan kajian yang menarik. Hal beliau demikian kerana, kajian berkaitan terjemahan kata sendi dari bahasa Cina ke bahasa Melayu adalah terlalu sedikit dilakukan sedangkan bahasa Cina merupakan bahasa yang agak rapat dekat dengan bahasa Melayu. Bukan itu sahaja, kajian beliau amat membantu untuk dijadikan panduan dalam kalangan pengkaji yang ingin mengkaji mengenai kata sendi dan terjemahannya. Selain itu, kajian beliau amat ringkas yang tidak memerlukan pembaca mengambil masa yang lama untuk membaca dan memahaminya. Kajian beliau juga adalah

jelas berdasarkan objektif kajian yang dinyatakan iaitu kaedah terjemahan bagi kata sendi yang diterjemah.

Maka, melalui kajian yang dilakukan oleh beliau, didapati bahawa terdapat persamaan di antara kajian beliau dengan kajian yang sedang dilakukan ini, antaranya adalah mengkaji kaedah serta strategi terjemahan, namun yang membezakannya adalah kajian beliau berdasarkan kaedah terjemahan kata sendi manakala kajian yang sedang dilakukan ini adalah berdasarkan strategi terjemahan makna.

Secara kesimpulannya, dapat dikatakan bahawa hampir keseluruhan kajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu melibatkan terjemahan dari aspek sari kata filem. Tidak kurang juga yang mengkaji dari aspek makna namun turut memfokuskan kepada bentuk-bentuk kajian yang lain. Namun begitu, daripada kajian yang dilakukan oleh pengkaji sebelum ini, tidak ada seorang pun pengkaji yang melakukan kajian mengenai aspek jenis-jenis makna dan strategi terjemahan makna tersebut sekaligus. Oleh itu, kajian dahulu mempunyai perbezaan dengan kajian yang sedang dilakukan ini. Kajian ini turut akan membawa kepada fenomena kajian terbaru di dalam bidang terjemahan dan semantik.

## **2.3 Kerangka Teori**

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kerangka teori yang telah dikemukakan oleh Geoffrey Leech (1974) dan Gottlieb (1992).

### **2.3.1 Geoffrey Leech (1974)**

Menurut Leech (1974), makna dapat dibahagikan kepada beberapa jenis iaitu denotasi, konotasi, stilistik, afektif, kolokasi, tematik, figuratif, tekstual dan pantangan.

#### **i. Denotasi**

Menurut Norizah Ardi et al (2011), makna denotasi juga dikenali sebagai makna rujukan. Hal ini bermakna, makna tersebut merujuk kepada makna sebenar atau makna mutlak bagi sesuatu kata. Dalam erti kata lain, makna denotasi merupakan makna yang dapat difahami serta dibayangi oleh pendengar sebaik sahaja mendengarnya daripada penutur. Oleh itu, makna denotasi adalah makna yang terdapat di dalam kamus dan mempunyai maksud yang harfiah iaitu terang-terangan.

## **ii. Konotasi**

Makna konotasi didefinisikan sebagai makna tersirat atau makna bukan literal (Norizah Ardi et al, 2011). Oleh itu, makna konotasi adalah makna yang mempunyai maksud lain daripada yang dinyatakan dengan merujuk kepada konteks dan mengutamakan nilai komunikatif.

## **iii. Afektif**

Makna afektif pula merupakan makna emosi yang terdapat pada perkataan atau ujaran yang menyebabkan pembaca atau pendengar bertindak balas dan menimbulkan pelbagai emosi seperti marah, sedih, gembira, suka, seronok, simpati dan sebagainya (Norizah Ardi et al,2011). Dalam erti kata lain, makna emosi merupakan makna yang menggambarkan hati dan perasaan seseorang terhadap suatu perkara yang dibaca atau yang didengarnya.

## **iv. Kolokasi**

Makna kolokasi atau makna kolokatif ialah makna yang berbeza berdasarkan penggunaan sesuatu kata pada tempat atau kolokasi yang tertentu dengan perkataan yang lain (Norizah Ardi et al,2011). Oleh itu, kata yang mempunyai kolokasi yang sama tidak boleh saling bertukar ganti dengan perkataan yang lain pada konteks yang tertentu. Misalnya perkataan 'pretty' sesuai digandingkan bersama individu wanita berbanding dengan kolokasi yang lain.

## **v. Stilistik**

Makna stilistik merujuk kepada penggunaan bahasa dalam situasi sosial yang tertentu (Norizah Ardi,2011). Tujuan penggunaan makna stilistik ini adalah untuk berlaku sopan dalam menyampaikan maklumat atau informasi kepada pembaca atau pendengar. Oleh itu, gaya penulisan dan penyampaian yang mengutamakan kesopanan sangat berkait dengan makna stilistik (Norizah Ardi et al, 2011).

## **vi. Tematik**

Makna tematik bermaksud cara pengguna bahasa itu menyusun mesejnya mengikut focus atau tekanan dalam ujaran atau tulisannya (Norizah Ardi et al,2011). Oleh itu,

makna tematik merupakan perkataan yang disusun oleh penulis mengikut penekanan yang ingin ditekan oleh penulis.

#### **vii. Figuratif**

Makna figuratif pula merupakan makna bagi kata atau frasa yang mempunyai rujukan lain daripada makna harfiah (Norizah Ardi et al,2011). Secara umumnya, makna ini biasanya dipengaruhi oleh aspek budaya dalam sesebuah masyarakat tertentu. Kebiasaannya, makna figuratif ini terdiri daripada simpulan bahasa, peribahasa, bidalan, metafora dan sebagainya lagi.

#### **viii. Pantangan**

Norizah Ardi et al (2011) mengatakan bahawa makna pantangan dikenali juga sebagai makna tabu dalam sesuatu bahasa. Hal ini bermakna, makna ini membawa kepada makna yang tidak dapat diterima dalam sesebuah masyarakat kerana dipengaruhi oleh aspek budaya masyarakat berkenaan. Selain itu, terdapat unsur eufemisme yang digunakan bagi menggantikan makna tabu berkenaan. Menurut Ainon Mohd. Abdullah Hassan (2003), perkataan yang memiliki makna pantangan boleh dikaitkan dengan seks, najis, kematian dan malapetaka (Norizah Ardi et al,2011).

#### **ix. Tekstual**

Terakhir, makna tekstual ialah makna yang berkaitan dengan isi suatu teks atau wacana (Norizah Ardi et al,2011). Dalam erti kata lain, makna tekstual ini hanya dapat difahami sekiranya pembaca membaca keseluruhan teks berkenaan. Jika tidak, makna tekstual ini dianggap sebagai taksa atau kabur.

### **2.3.2 Gottlieb (1992)**

Kerangka teori yang turut digunakan adalah Gottlieb (1992) yang mengemukakan sepuluh jenis strategi terjemahan iaitu pengembangan (expansion), parafrasa (paraphrase), pemindahan (transfer), peniruan (imitation), transkripsi (transcription), penyesuaian (dislocation), ringkasan (condensation), pemecahan (decimation) dan pengguguran (deletion). Satu lagi penyelesaian akhir yang turut dicadangkan ialah putus asa (resignation).

## **I. Pengembangan (Expansion)**

Strategi pengembangan sering digunakan di mana bahasa sumber memerlukan penjelasan yang lebih mendalam kerana tidak boleh diterjemahkan terus ke dalam bahasa sasaran. Hal ini demikian kerana, menurut Gottlieb (1992), “*Expansion is used when the original requires an explanation because of some cultural nuance not retrievable in the target language*”.

Contoh ;

Badut: *I'm attempting to defraud.*

Badut: Aku berniat *defraud* (menipu).

Frasa “ *I'm attempting to defraud* ” telah diterjemahkan menjadi “Aku berniat *defraud* (menipu)”. Penyari kata sengaja menambah maklumat di dalam ruangan kurungan tersebut agar ia dapat difahami oleh penonton dengan lebih mendalam. Hal ini demikian kerana, bagi sesetengah penonton dalam golongan bahasa sasaran, perkataan “*defraud*” yang didengarinya adalah tidak janggal, namun bagi kebanyakan penonton yang lain, perkataan tersebut mungkin tidak pernah didengari. Oleh itu, penyari kata cuba mengekalkan perkataan tersebut dalam sari kata dan menjelaskannya dalam kurungan supaya penonton dapat memahaminya serta dapat mempelajari sesuatu yang baru.

### **ii. Parafrasa (Paraphrase)**

Strategi ini biasanya digunakan apabila penyari kata tidak menyusun ayat mengikut struktur asal bahasa sumber. Hal ini berlaku untuk memudahkan pemahaman penonton/pembaca hasil terjemahan. Perkara ini dijelaskan oleh Gottlieb (1992) yang mengatakan bahawa, “*Paraphrase is resorted to in cases where the phraseology of the original cannot be reconstructed in the same syntactic way in the target language*”.

Contoh ;

Monte: *She's black-hearted whore and I'm done with her.*

Monte: Dia pelacur berhati jahat dan aku sudah tak mahu

berurusan dengannya.



Penggunaan strategi parafrasa dapat dilihat pada frasa “*black-hearted*” yang telah diterjemahkan kepada “berhati jahat”. “*Black-hearted*” adalah bahasa figuratif yang bermaksud sesuatu yang gemar melakukan sesuatu yang tidak baik dan jahat. “*Black*” pula menggambarkan sesuatu yang gelap, jahat dan berunsur negatif. Oleh itu, penyari kata telah menterjemahkannya kepada “berhati jahat”, yang membawa maksud yang sama.

### **iii. Pemindahan (Transfer)**

Melalui strategi terjemahan ini, penyari kata hanya menterjemah secara literal tanpa mengubah mana-mana struktur ayat. Gottlieb (1992) mengatakan bahawa “*Transfer refers to the strategy of translating the source text completely and accurately*”.

Contoh ;

Monte: *I need a drink*

Monte: Aku nak minum.

Penggunaan strategi ini dapat dilihat apabila “*I need a drink*” diterjemahkan kepada “Aku nak minum”. Bentuk dan struktur ayat adalah sama dan tidak diubah sama sekali. Selain itu, tiada penambahan atau penguguran kata dibuat oleh penyari kata.

### **iv. Peniruan (Imitation)**

Strategi ini membolehkan penyari kata untuk menulis semula atau meniru sesuatu perkataan dari bahasa sumber dengan ejaan asal, tanpa mengubah sebarang bentuk atau ejaannya. Perkara ini biasanya berlaku khususnya bagi nama orang, tempat, nama majalah, nama akhbar, nama syarikat, alamat dan lain-lain yang berkenaan. Hal ini selari dengan teori Gottlieb (1992) iaitu “*Imitation maintains the same forms, typically with names of people and places*”.

Contoh ;

Charlotte: *Did your Jubal McLaws ever love a woman?*

Charlotte: Adakah Jubal McLaws pernah jatuh cinta?

Berdasarkan contoh di atas, “*Jubal McLaws*” adalah nama watak dalam cerita tersebut. Jadi, penyari kata perlu menggunakan strategi peniruan tanpa mengubah ejaan.

#### v. **Transkripsi (*Transcription*)**

Strategi ini digunakan untuk menterjemah ayat atau perkataan yang janggal serta tidak terdapat di dalam bahasa sumber mahupun bahasa sasaran. Biasanya, perkataan atau ayat ini datangnye dari bahasa ketiga ataupun dialek/loghat yang digunakan oleh watak. Gottlieb (1992) menjelaskan perkara ini dengan mengatakan bahawa “*Transcription is used in those cases where a term is unusual even in the source text, for example the use of a third language or nonsense language*”.

Contoh ;

Monte: *Railroad Pinkertons are hot on our trail, amigo.*

Monte: Jalur kereta Pinkertons sasaran kita, teman.

Strategi terjemahan transkripsi telah digunakan dalam ujaran di atas. Hal ini dapat dilihat melalui perkataan “*amigo*” yang telah diterjemah sebagai “teman”. Hal ini demikian kerana, di dalam bahasa Sepanyol (bahasa ketiga), perkataan tersebut bermaksud kawan, sahabat atau teman.

#### vi. **Penyesuaian (*Dislocation*)**

Melalui strategi ini, penyari kata dibenarkan untuk memilih perkataan yang dirasakan memberi maksud yang sama serta sesuai dengan struktur ayat dari ujaran bahasa sumber. Hal ini akan menyebabkan kemungkinannya sesuatu terjemahan akan digubah atau dipendekkan struktur ayatnya dalam bahasa sasaran, namun tidak mengubah maksud yang ingin disampaikan. Menurut Gottlieb (1992), “*Dislocation is adopted when the original employs some sort of special effect, e.g. a silly song in a cartoon film, where the translation of the effect is more important than the content*”.

Contoh ;

Monte: *Ah, I don't believe I will.*

Monte: Aku takkan mampu.

Berdasarkan ujaran tersebut, dapat dilihat bahawa penyari kata menggunakan strategi penyesuaian kerana hasil terjemahan memberi maksud yang sama seperti yang disebut oleh pelakon.

#### **vii. Ringkasan (*Condensation*)**

Strategi ini akan digunakan oleh penterjemah sekiranya ujaran yang dituturkan adalah panjang, namun maksudnya hanya sedikit sahaja. Jadi, penterjemah akan meringkaskannya dalam bahasa sasaran agar ia lebih ringkas dan mudah difahami. Hal ini selari dengan teori Gottlieb (1992) yang mengatakan bahawa "*Reduction of source language message without reducing its meaningful content. However, all of the original message content is not lost*".

Contoh ;

Monte: *You're not, by any chance, referring to Spot, are you?*

Monte: Maksud awak Spot?

Berdasarkan ujaran di atas, jelas bahawa penyari kata telah menggunakan strategi ringkasan. Hal ini kerana frasa "*are you?*" bermaksud "maksud anda?". Jadi, penyari kata telah memilih strategi ini supaya dapat menjimatkan penggunaan aksara serta lebih memudahkan penonton untuk memahami apa yang cuba disampaikan dalam dialog tersebut.

#### **viii. Pemecahan (*Decimation*)**

Menurut Gottlieb (1992), "*Decimation is an extreme form of condensation where, perhaps for reasons of discourse speed, even potentially important elements are omitted*". Ini bermaksud, strategi ini akan digunakan oleh penyari kata apabila sari kata bercampur dengan elemen lain yang terlibat dalam bahasa sumber. Sebagai contoh, muzik atau lagu dalam filem animasi, yang mana efeknya turut memainkan peranan dalam penceritaan bagi menambahkan lagi pemahaman penonton.

**ix. Pengguguran (*Deletion*)**

Strategi ini digunakan untuk menggugurkan sesuatu perkataan yang terdapat di dalam bahasa sumber apabila diterjemah ke sari kata bahasa sasaran, namun masih mengekalkan kesamaan makna. Hal ini demikian kerana, sari kata yang dihasilkan perlu ringkas dan padat agar tidak kelihatan terlalu penuh aksaranya. Menurut Gottlieb (1992), "*Deletion refers to the total elimination of parts of a text*".

Contoh ;

Charlotte: *That's enough.*

Charlotte: Cukup

Berdasarkan contoh, frasa "*That's enough*" telah diterjemahkan menjadi "cukup" sahaja. Hal ini kerana perkataan "that's" tidak membawa makna yang penting untuk diterjemah, maka boleh digugurkan.

**x. Putus asa (*Resignation*)**

Menurut Gottlieb (1992), "*Resignation describes the strategy adopted when no translation solution can be found and meaning is inevitably lost*". Ini bermaksud, penyari kata bebas untuk menggunakan strategi ini sekiranya tiada perkataan yang selari dengan padanannya di dalam bahasa sumber. Namun, masih mengekalkan makna yang sama.

## **2.4 Kesimpulan**

Dalam memahami sesuatu konsep penyarikataan, penekanan harus diberi kepada takrif penterjemahan. Sesutu terjemahan harus bergabung bersama semantik bagi menghasilkan terjemahan sari kata yang bermutu dan berkualiti serta dapat difahami oleh penonton. Berdasarkan kajian lepas yang telah dilakukan, masih lagi terdapat kekurangan dalam kajian yang melibatkan dua aspek penting iaitu terjemahan dan aspek makna dalam konteks terjemahan sari kata di Malaysia ini.

## **BAB III**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.0 Pengenalan**

Metodologi kajian adalah tatacara sesuatu kajian itu dijalankan termasuk cara atau kaedah pengumpulan dan pemprosesan data serta kaedah penganalisan data. Bagi menepati objektif kajian yang dilakukan, maka data- data yang diperolehi akan dianalisis. Sari kata dan dialog dari sebuah filem ‘Puteri Gunung Ledang’ untuk dijadikan sebagai bahan atau data kajian.

#### **3.1 Pendekatan Kajian**

Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti jenis- jenis makna yang terdapat di dalam sari kata filem ‘Puteri Gunung Ledang’ serta strategi terjemahan makna yang digunakan. Oleh hal yang demikian, kaedah kualitatif digunakan bagi melakukan proses penganalisan data – data kajian.

Kaedah yang digunakan untuk menganalisis data tajuk kajian ini adalah dengan menggunakan kerangka teori yang dikemukakan oleh Geoffrey Leech (1974) dan Gottlieb (1992).

Oleh hal yang demikian, dengan kerangka teori yang digunakan, maka kajian ini dapat dilakukan dengan lebih mendalam dan tepat berkaitan dengan jenis- jenis makna serta strategi terjemahan makna yang terdapat di dalam sari kata filem Puteri Gunung Ledang.

#### **3.2 Data Kajian**

Berdasarkan kajian yang dilakukan, kajian ini menggunakan filem ‘Puteri Gunung Ledang’ sebagai bahan kajian. Filem ini telah diterbitkan dan ditayangkan pada 31 Ogos 2004. Pengarah bagi filem ini ialah Saw Teong Hin dan penulis bagi filem ini terdiri daripada dua orang iaitu Mamat Khalid dan Saw Teong Hin. Selain itu, filem ini dibintangi oleh barisan pelakon yang terkenal iaitu Tiara Jacquelina yang memegang watak sebagai Gusti Putri Raden Ajeng Retno Dumilah, M. Nasir sebagai Laksamana Hang Tuah, Rahim Razali sebagai Bendahara, Adlin Aman Ramli sebagai Sultan Mahmud, Sofia Jane sebagai Tun Teja, Khir Rahman sebagai Tun Mamat, Sabri Yunus sebagai Sang Setia, Man Bai sebagai Topok, Radhi Khalid sebagai

Tapik, Zulkifli Zain sebagai Pengumum, Mahadi Shor sebagai Shahbandar, Khairul Anwar sebagai Pangeran Demak, Ruminah Sidek sebagai Nenek Kebayan, Christine Hakim (Indonesia) sebagai Bayan, Slamet Rahardjo (Indonesia) sebagai Patih, Alex Komang (Indonesia) sebagai Gusti Adipati Wira Namtani, Dian Sastrowardoyo (Indonesia) dan Melissa Sails. Filem ini pernah tercalon di Bangkok International Film Festival, 2005. Selain itu, filem ini turut bertanding di dalam Festival Filem Malaysia ke- 18, 2005 dan memenangi beberapa anugerah iaitu Pengarah Terbaik Saw Teong Hin, Lakon Layar Terbaik - Mamat Khalid & Saw Teong Hin, Skor Muzik Terbaik - M. Nasir & Tan Yan Wei, Penataan Seni Terbaik - Hasnizar Ithnin dan Anugerah Khas Juri - Filem inovatif & berinspirasi. Juga, filem ini turut menyertai 61st Venice International Film Festival, September 2004 (Italy) dan 48th San Francisco International Film Festival, 2005 (USA) serta merupakan filem pertama yang dihantar oleh pihak kerajaan Malaysia bagi menyertai Academy Awards.

Filem ini berkisarkan empayar Majapahit dilanda gawat setelah diserang oleh Putera Demak dari Jawa. Bagi mengelakkan keadaan menjadi bertambah buruk, raja Majapahit, Gusti Adipati Handaya Ningrat menawarkan Demak berkahwin dengan adiknya, Gusti Putri Retno Dumilah. Namun, tanpa diketahui olehnya, Gusti Putri telah melarikan diri dengan berlayar ke Gunung Ledang untuk bersama cinta hatinya iaitu Hang Tuah. Gusti Adipati terpaksa menjalinkan perkaitan dengan Melaka pula dengan menawarkan adiknya pada Sultan Mahmud Shah. Namun begitu, Gusti Putri menentang perkahwinan tersebut kerana cintanya hanya pada Hang Tuah. Sultan Mahmud menghantar utusan yang diketuai oleh Hang Tuah ke Gunung Ledang, tetapi dihalang oleh kuasa ajaib Gusti Putri. Akhirnya, setelah pelbagai cabaran, Gusti Putri terpaksa menurut permintaan Hang Tuah yang taat pada Sultan, tetapi Gusti Putri telah menetapkan 7 syarat. Perutusan pulang ke istana Melaka tanpa Hang Tuah yang kecewa atas kegagalannya memujuk Gusti Putri dan Sultan Mahmud murka dengan kedegilan Gusti Putri sehingga sanggup menerima cabaran ketujuh-tujuh syarat walaupun bakal meragut nyawa anaknya sendiri.


### **3.3 Tatacara Pengumpulan Data**

Secara amnya, kajian ini menggunakan kaedah penelitian yang tertumpu terhadap dialog dan sari kata yang telah ditranskripsikan dan dijadualkan. Dengan menggunakan kaedah kepustakaan, rujukan turut dibuat terhadap buku- buku yang berkaitan dengan terjemahan dan juga aspek semantik, aspek budaya, kamus, laman web, karya- karya terjemahan dan hasil kajian pengkaji lain.

Data- data terkumpul dan dimasukkan ke dalam jadual untuk memudahkan proses- proses analisis dilakukan.

Bagi melakukan kajian ini, terdapat beberapa tatacara pengumpulan data yang dilakukan bagi memastikan bahawa data yang diperoleh adalah tepat dengan kehendak kajian yang dilakukan. Antaranya :

### **Rajah 1 Tatacara Pengumpulan Data**



Berdasarkan tatacara pengumpulan data di atas, kajian dilakukan dengan langkah pertama iaitu memilih bahan yang ingin dikaji. Terdapat pelbagai jenis filem yang ditonton bagi memastikan aspek- aspek yang diinginkan terdapat di dalam filem yang ditonton, namun terdapat filem yang tidak menepati citarasa untuk melakukan kajian terhadap filem tersebut. Aspek yang diinginkan adalah penggunaan bahasa Melayu lama yang mempunyai unsur

peribahasa atau simpulan bahasa bagi memastikan terdapat banyak maklumat yang dapat dikumpu. Namun begitu, dalam kajian ini, sebuah filem yang bertajuk ‘Puteri Gunung Ledang’ telah dipilih sebagai bahan kajian. Berdasarkan filem yang ditonton, maka kajian dilakukan dengan melakukan aktiviti pengumpulan data yang berkaitan bagi memenuhi keperluan kajian. Data- data kajian dikumpul mengikut keperluan kajian bagi memudahkan kajian ini dilakukan.

Tatacara seterusnya adalah melalui aktiviti mentranskripsi data iaitu dialog dan sari kata. Kajian ini dilakukan dengan mentranskripsi dialog atau sari kata untuk menganalisis perkataan- perkataan yang ingin dikaji mengikut objektif kajian yang telah dikemukakan. Dengan transkripsi dialog atau sari kata, maka kerja menjadi lebih mudah kerana leksikal- leksikal yang mengandungi unsur makna serta strategi terjemahan makna tertentu dapat dilihat dengan jelas dan dapat dikaji dengan lebih mendalam.

Peringkat seterusnya adalah analisis data. Proses analisis data merupakan proses yang dilakukan bagi mengkaji perkataan- perkataan atau ayat- ayat tertentu yang tergolong daripada jenis- jenis makna yang ingin dikaji mengikut objektif kajian. Tambahan pula, melalui proses analisis ini, maka hal ini membolehkan strategi menterjemah makna dapat dilihat seperti yang dinyatakan mengikut kerangka teori yang dipilih setelah diterjemah.

Terakhir, dengan segala tatacara yang dilakukan, maka kajian ini akan memperoleh dapatan kajiannya. Dapatan kajian yang diperoleh akan menjawab segala persoalan kajian dan menepati objektif kajian seperti yang dinyatakan..

### **3.4 Perlabelan dan Kerangka Analisis Data**

Data- data yang telah diperoleh akan dikelompokkan mengikut jenis- jenis makna seperti yang dikemukakan oleh Geoffrey Leech (1974). Selain itu, data ini juga akan memperlihatkan jenis- jenis makna beserta strategi menterjemah makna yang terdapat di dalam sari kata filem yang diterjemah. Setiap jenis- jenis makna yang ditemui di dalam sari kata filem tersebut akan diwakili oleh akronim D (Denotasi), K (Konotasi), A (Afektif), K.I (Kolokasi), S (Stilistik) dan F (Figuratif). Hal ini dapat dilihat berdasarkan jadual yang berikut:



### 3.4.1 Makna Denotasi

#### LABEL

BIL	DATA	BAHASA SUMBER	BAHASA SASARAN
1.	D:6:26	<i>“Tugas hamba bawa gadis ini kepada ketua hamba”.</i>	<i>“It is my duty to take this girl to my leader, Sir”.</i>

JADUAL 1 :MAKNA DENOTASI

### 3.4.2 Makna Konotasi

#### LABEL

BIL	DATA	BAHASA SUMBER	BAHASA SASARAN
1.	1:12:43	<i>“Baguslah Cu. Taat yang tiada kesudahan, tiada penghujungnya”.</i>	<i>“Well, good for you, my child. Your loyalty is infinite, endlessly”.</i>

JADUAL 2 : MAKNA KOLOKASI

### 3.4.3 Makna Afektif

#### LABEL

BIL	DATA	BAHASA SUMBER	BAHASA SASARAN
1.	1:07:41	<i>“Kanda telah menemui cinta di Tanah Jawa”.</i>	<i>“ I have found love on Java”.</i>

JADUAL 3 : MAKNA AFEKTIF

### 3.4.4 Makna Kolokasi

#### LABEL

BIL	DATA	BAHASA SUMBER	BAHASA SASARAN
1.	23:14	<i>“Kembang mekar bunga Melati”.</i>	<i>“Pretty is the rose in blossom”.</i>

**JADUAL 4 : MAKNA KOLOKASI**

### 3.4.5 Makna Stilistik

#### LABEL

BIL	DATA	BAHASA SUMBER	BAHASA SASARAN
1.	38:41	<i>“Daulat Tuanku”.</i>	<i>“Long live the Sultan”.</i>

**JADUAL 5 : MAKNA STILISTIK**

### 3.4.6 Makna Figuratif

#### LABEL

BIL	DATA	BAHASA SUMBER	BAHASA SASARAN
1.	43:17	<i>“Tak ke mana tumpahnya kuah kalau tak ke nasi,kan?”</i>	<i>“But then again, you are my son”.</i>

**JADUAL 6 : MAKNA FIGURATIF**

Jadual di atas merupakan kerangka analisis bagi menyenaraikan hasil kajian yang dijumpai. Berikut turut disertakan dengan perlabelannya yang dapat memperlihatkan hasil kajian dengan jelas dan padat. Setiap hasil kajian yang diperoleh akan dilabel seperti yang tertera pada jadual di atas. Selain itu, setiap jenis- jenis makna yang dijumpai juga akan diwakili dengan akronim yang tersendiri, misalnya D (denotasi), K (konotasi), A (afektif), KI (kolokasi), S (Stilistik) dan F (figuratif). Setiap jadual juga mempunyai label yang tertentu,

misalnya jadual 1 untuk makna denotasi, jadual 2 untuk makna konotasi, jadual 3 untuk makna afektif, jadual 4 untuk makna kolokasi, jadual 5 untuk makna stilistik dan jadual 6 untuk makna figuratif. Melalui perlabelan yang berikut, ia akan memudahkan pembaca untuk membaca dan memahaminya. Selain itu, ia juga mudah untuk dirujuk tanpa berlaku kekeliruan dalam kalangan pembaca.

### 3.5 Kerangka Analisis bagi Strategi Terjemahan Makna

#### 3.5.1 Strategi Pemindahan

##### LABEL

BIL	DATA	BAHASA SUMBER	BAHASA SASARAN	STRATEGI TERJEMAHAN MAKNA
1	D1:6:26	<i>“Tugas hamba bawa gadis ini kepada ketua hamba”.</i>	<i>“It is my duty to take this girl to my leader, Sir”.</i>	Strategi Pemindahan

**JADUAL 7 : STRATEGI PEMINDAHAN**

#### 3.5.2 Strategi Parafrasa

##### LABEL

BIL	DATA	BAHASA SUMBER	BAHASA SASARAN	STRATEGI TERJEMAHAN MAKNA
1.	<i>D6:1:43:47</i>	<i>“Hamba mohan maaf, Datuk Bendahara”.</i>	<i>“Forgive me, my Lord Prime Minister”.</i>	<i>Strategi Parafrasa</i>

### JADUAL 8 : STRATEGI PARAFRASA

#### 3.5.3 Strategi Peniruan

##### LABEL

BIL	DATA	BAHASA SUMBER	BAHASA SASARAN	STRATEGI TERJEMAHAN MAKNA
1.	<i>D2:10:18</i>	<i>“Kalau memang kuat hembusan angin Melaka, kedatangan Gusti Puteri akan sampai jua ke telinganya”.</i>	<i>“If the winds of Melaka blow strong, news of your arrival will surely reach his ears”.</i>	<i>Strategi Peniruan</i>

### JADUAL 9 : STRATEGI PENIRUAN

#### 3.5.4 Strategi Penyesuaian

##### LABEL

BIL	DATA	BAHASA SUMBER	BAHASA SASARAN	STRATEGI TERJEMAHAN MAKNA
1.	<i>D3:14:11</i>	<i>“Bonda cari tu kat Istana”.</i>	<i>“Your mother looks for you in the palace”.</i>	<i>Strategi Penyesuaian</i>

### JADUAL 10 : STRATEGI PENYESUAIAN

### 3.5.5 Strategi Pengguguran

#### LABEL

BIL	DATA	BAHASA SUMBER	BAHASA SASARAN	STRATEGI TERJEMAHAN MAKNA
1	D7:1:08	<i>“Mari, pakai ni dulu”.</i>	<i>“Put this on”.</i>	Strategi Pengguguran

**JADUAL 11 : STRATEGI PENGGUGURAN**

#### Contoh bagi Kerangka Analisis Strategi Terjemahan Makna

Berikut merupakan kerangka analisis bagi memenuhi dapatan kajian objektif (b). Kerangka analisis tersebut dilabelkan dengan setiap data yang diwakili oleh akronimnya yang tertentu. Selain itu, ia turut menyenaraikan strategi terjemahan makna yang digunakan di dalam sari kata filem yang dikaji. Kerangka ini akan memudahkan setiap dapatan kajian disenaraikan dengan lengkap dan tepat tanpa mengelirukan pembaca. Tambahan pula, jadual ini turut dilabelkan mengikut pengkhususan bagi strategi- strateginya yang tertentu, misalnya strategi pemindahan, strategi parafrasa, strategi peniruan, strategi penyesuaian dan strategi pengguguran yang turut ditemui pada sari kata filem yang dikaji. Bukan itu sahaja, jadual ini akan memperlihatkan jenis- jenis makna yang ditemui dan bagaimana sesuatu makna tersebut diterjemahkan melalui penggunaan srategi terjemahan yang ada berdasarkan teori tertentu yang dipilih.

### **3.6 Kesimpulan**

Bahagian ini menunjukkan kaedah yang akan digunakan bagi melakukan kajian ini secara teliti dan teratur. Selain itu, bahagian ini juga memperlihatkan perlabelan data yang akan dilakukan bagi memenuhi dapatan kajian pada bab empat. Perlabelan data yang dilakukan adalah mengenai jenis- jenis makna serta strategi terjemahan makna yang turut diisi dengan dapatan kajian yang diperoleh. Oleh hal yang demikian, melalui kaedah ini, maka kajian dapat dilakukan dengan mudah dan tepat sekaligus dapat difahami pada bahagian dapatan kajian kelak.

## BAB IV

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 Pengenalan

Bahagian ini akan membincangkan mengenai hasil dapatan kajian yang diperoleh mengenai jenis- jenis makna dan strategi menterjemah makna yang digunakan di dalam sari kata filem Puteri Gunung Ledang.

#### 4.1 Analisis Kajian

Bahagian analisis kajian ini akan menyenaraikan keseluruhan dapatan kajian yang diperoleh berdasarkan sari kata filem ‘Puteri Gunung Ledang’.

##### 4.1.1 Jenis- Jenis Makna

Kajian ini menjumpai jenis- jenis makna yang terdapat pada sari kata filem ‘Puteri Gunung Ledang’. Jenis- jenis makna ini dapat dilihat berdasarkan jadual yang telah disediakan berikut.

#### I. Makna Denotasi

Makna denotasi juga dikenali sebagai makna rujukan (Norizah Ardi et al,2011). Ini kerana ia akan merujuk kepada makna sebenar, makna mutlak atau makna dasar sesuatu kata (Norizah Ardi et al,2011). Makna denotasi atau makna rujukan merupakan makna bagi perkataan yang ditanggap atau dibayangkan dalam minda penutur atau pendengar (Norizah Ardi et al,2011).

**Jadual 1 : Makna Denotasi**

BIL	DATA	BAHASA SUMBER
1.	<i>D1:6:26</i>	<i>“Tugas hamba bawa <b>gadis</b> ini kepada ketua hamba”.</i>

2.	D2:10:18	<i>“Kalau memang kuat hembusan angin Melaka, kedatangan Gusti Puteri akan sampai jua ke <b>telinganya</b>”.</i>
3.	D3:14:11	<i>“Bonda cari tu <b>kat Istana</b>”.</i>
4.	D4:19:04	<i>“<b>Terima kasih, Tun Mamat</b>”.</i>
5.	D5:20:31	<i>“Ampun Tuanku, <b>mutiara</b> tetap mutiara, Tuanku”.</i>
6.	D6:1:43:47	<i>“Hamba mohan <b>maaf, Datuk Bendahara</b>”.</i>
7.	D7: 14 : 08	<i>“Mari, pakai ni dulu”.</i>

Ujaran yang diwakili oleh D1 pada jadual 1 di atas menunjukkan jenis- jenis makna bagi makna denotasi. Hal ini dapat dilihat apabila bahasa sumbernya merupakan ‘gadis’ dan diterjemahkan kepada ‘girl’ di dalam bahasa sasarannya. Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, ‘gadis’ membawa maksud anak perempuan yang sudah baligh (yang sudah boleh berkahwin menurut Islam). Oleh itu, gadis membawa maksud seorang perempuan yang bergelar anak dara sunti atau telah baligh. Jadi, apabila seseorang mengungkapkan atau mengujarkan perkataan ‘gadis’, maka sudah terbayang pada fikiran pendengar atau penonton bahawa ia adalah seorang perempuan yang telah baligh atau juga sesuai digelar sebagai anak dara sunti. Tiada perkara lain yang dibayangi atau berada di dalam fikiran pendengar melainkan seorang perempuan yang masih muda. Selain itu, ungkapan ‘gadis’ adalah sesuai untuk digelar kepada seseorang perempuan yang sedang meningkat dewasa. Tambahan pula, apabila menyebut ‘gadis’, penonton akan dibayangi dengan seorang perempuan yang usianya dalam lingkungan 16 tahun sehingga 18 tahun. ‘Gadis’ mewakili seorang remaja perempuan yang masih muda dan memiliki sifat kemanjaan. Oleh yang demikian, tiada maksud lain bagi



‘gadis’ melainkan seorang perempuan yang usianya dalam lingkungan 16 tahun dan ke atas serta telah mencapai baligh.

Makna denotasi yang berikutnya diwakili oleh D2 pada jadual 1 di atas. Makna denotasi yang berikutnya diperoleh melalui ungkapan dari bahasa sumbernya iaitu ‘telinga’ dan diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran menjadi ‘ears’. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, ‘telinga’ membawa maksud sebagai pancaindera untuk mendengar (di kiri kanan kepala manusia atau binatang). Oleh itu, telinga membawa maksud sebagai alat untuk mendengar setiap bait kata- kata atau ungkapan yang diujarkan oleh penutur. Maka, makna denotasi bagi ‘telinga’ adalah pancaindera yang dimiliki oleh seseorang individu atau haiwan untuk mendengar sesuatu perkara serta memberi tindak balas akan sesuatu ujaran yang didengari olehnya. Apabila pendengar atau penonton mendengar perkataan ‘telinga’ atau ‘ears’, maka mereka dibayangi oleh bentuk fizikal telinga itu sendiri. Mereka juga memahami akan makna telinga serta mempunyai gambaran mengenai nya. Jadi, tiada makna lain selain daripada makna yang mereka fahami mengenai ‘telinga’. Ia telah membawa maksud sebenar dan bersifat harfiah.

Jadual 1 turut menunjukkan makna denotasi yang terdapat pada ujaran yang diwakili oleh D3 yang berikut iaitu bahasa sumbernya adalah ‘istana’ dan diterjemahkan ke bahasa sasarannya iaitu ‘palace’. Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan istana sebagai rumah kediaman raja atau ketua negara. Istana merupakan tempat bagi Raja atau keluarga kerabat diraja untuk menetap atau tinggal. Penggunaan kata ‘Istana’ hanya sesuai digunakan untuk menggambarkan atau menyatakan tempat tinggal yang diduduki oleh Raja mahupun ahli kerabatnya. Hal ini demikian kerana, ‘penggunaan kata ‘Istana’ hanya khusus kepada Raja atau ahli keluarga diraja. ‘Istana’ tidak boleh digunakan bagi menyatakan tempat tinggal atau tempat penginapan bagi rakyat atau manusia biasa kerana rakyat biasa tidak mempunyai sebarang pertalian darah dengan keluarga diraja dan penggunaan kata yang sesuai untuk tempat tinggal rakyat biasa adalah ‘rumah’. Oleh yang demikian, apabila perkataan ‘Istana’ digunakan, maka sudah tentu ia merujuk kepada tempat tinggal atau kediaman yang khusus untuk Raja semata- mata dan bukan lah tempat tinggal bagi rakyat biasa. Maka, perkataan ‘Istana’ dapat difahami dalam kalangan pendengar atau penonton akan maksudnya serta perkaitannya dengan kerabat diraja.

Makna denotasi yang diwakili oleh D4 yang berikutnya diperoleh melalui sari kata filem iaitu ‘Terima Kasih’ dari bahasa sumbernya dan diterjemahkan kepada ‘Thank You’ di dalam

bahasa sasarannya. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, 'terima kasih' merupakan pernyataan penghargaan atas sesuatu pemberian atau pertolongan yang telah diperoleh atau sebagai tanda mensyukuri akan sesuatu. 'Terima Kasih' sering diungkapkan oleh seseorang sebagai tanda menghargai akan sesuatu bantuan yang diperoleh oleh orang lain. Selain itu, 'terima kasih' bukan sahaja dinyatakan sebagai menghargai bantuan atau pertolongan semata-mata, bahkan turut digunakan sebagai tanda menghargai pujian atau kata-kata positif yang diterima oleh pendengar. Bahkan juga, 'terima kasih' memperlihatkan kesopanan atau nilai manusia yang tinggi dari diri seseorang kerana berjaya menguasai adab tatkala bertutur antara dua individu atau lebih. Oleh yang demikian, berdasarkan ungkapan 'terima kasih' yang dinyatakan di dalam sari kata tersebut, maka ia mudah untuk difahami oleh penonton atau pendengar akan maksudnya. Apabila mendengar ungkapan yang sedemikian, maka penonton atau pendengar sudah dapat menangkap maksud disebalik ayat tersebut serta dibayangi oleh pertolongan atau pujian yang dilemparkan oleh penutur kepada pendengar. Maka, tiada maksud lain yang dapat ditafsir melalui ayat tersebut selain daripada mempunyai nilai yang positif.

Makna denotasi yang seterusnya iaitu D5 turut terdapat di dalam sari kata filem 'Puteri Gunung Ledang' adalah daripada bahasa sumbernya iaitu 'mutiara' dan diterjemahkan kepada bahasa sasarannya iaitu 'pearl'. Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan 'mutiara' sebagai tiram yang mengandungi mutiara atau sesuatu yang sangat berharga atau ketuhanan yang dianugerahi oleh Allah kepada manusia iaitu akal. 'Mutiara' secara fizikalnya mempunyai bentuk yang bujur atau bulat serta permukaan yang berkilau. 'Mutiara' juga merupakan sesuatu yang amat berharga atau bernilai dek kerana fizikalnya yang cantik serta sukar untuk dimiliki. Selain itu, 'mutiara' juga mempunyai nilai yang tinggi di mata manusia dan juga mempunyai nilai yang tinggi di pasaran. Pendek kata, 'mutiara' merupakan sesuatu yang bernilai dan cantik dikagumi dalam kalangan individu. Oleh itu, berdasarkan ungkapan yang terdapat pada jadual D5, 'mutiara' bermaksud sesuatu yang amat bernilai dan disukai dalam kalangan individu. Apabila membicarakan mengenai mutiara, penonton atau pendengar akan membayangkan sebutir mutiara di dalam fikiran mereka serta sifat-sifat yang terdapat pada mutiara tersebut. Maka, penonton atau pendengar mudah untuk memahami akan maksud 'mutiara' tersebut kerana ia bersifat nyata dan tidak mempunyai makna lain selain daripada makna mutiara itu.

Tambahan pula, makna denotasi yang berikutnya adalah 'maaf' dari bahasa sumbernya dan diterjemahkan kepada 'forgive' di dalam bahasa sasarannya. Menurut Kamus Dewan Edisi

Keempat, ‘maaf’ bermaksud memohon ampun atas sesuatu kesalahan yang dilakukannya. ‘Maaf’ merupakan ucapan yang dilafazkan oleh seseorang sebagai tanda memohon ampun akan kesalahan atau kesilapan yang dilakukannya. Selain itu, ‘maaf’ bukan sahaja dilafazkan oleh seseorang apabila melakukan kesalahan, bahkan ‘maaf’ turut dilafazkan oleh seseorang apabila ingin bertanya akan sesuatu perkara sehingga mengganggu masa seseorang atau pun untuk menyatakan sesuatu perkara. Namun begitu, berdasarkan ungkapan ‘maaf’ yang terdapat di dalam jadual D6, ia membawa maksud sebagai permohonan maaf atas kegagalan untuk melakukan sesuatu seperti yang di amanahkan. Oleh itu, timbul perasaan kesal sehingga melafazkan ungkapan ‘maaf’ tersebut. Oleh hal yang demikian, perkataan ‘maaf’ bermaksud keampunan yang dipohon oleh seseorang akan sesuatu kesilapan yang dilakukan. Penonton atau pendengar yang mendengar ungkapan tersebut sudah pasti dapat memahami maksud sebenar perkataan ‘maaf’ kerana ia membawa maksud yang tersurat dan tidak mempunyai makna tersirat.

Begitu juga dengan data D7: 14 : 08 yang turut mengandungi makna denotasi melalui ujaran “Mari, pakai ni dulu” dan terjemahannya iaitu “Put this on”. Ujaran tersebut dikatakan sebagai makna denotasi kerana ia mengandungi butir bicara atau perkataan- perkataan yang mudah difahami dalam kalangan pendengar. Apabila mendengar ujaran tersebut, maka penonton dapat mentafsir dengan mudah bahawa ia adalah suatu ajakan untuk melakukan sesuatu atau suatu arahan yang mengandungi sesuatu perkataan. Oleh itu, ujaran tersebut membawa makna yang jelas dan nyata tanpa memerlukan kos memproses yang tinggi. Ia bersifat nyata dan jelas.

## **II. Makna Konotasi**

Makna konotasi merupakan makna tersirat atau makna bukan literal (Norizah Ardi et al,2011). Secara khususnya, makna ini bergantung kepada budaya, sejarah dan pengalaman individu (Norizah Ardi et al, 2011). Tambahan pula, makna konotasi turut berkait rapat dengan konteks atau keadaan sesuatu perkara ketika sesuatu ucapan dituturkan agar setiap perkataan dapat difahami dengan jelas.

**Jadual 1 : Makna Konotasi**

BIL.	DATA/MASA	BAHASA SUMBER
1.	<i>K1:1:12:43</i>	<i>“Baguslah Cu. Taat yang tiada kesudahan, tiada penghujungnya”.</i>
2.	<i>K2:47:45</i>	<i>“Perempuan macam apa kamu ini?”.</i>
3.	<i>K3:1:06:14</i>	<i>“Seharian berjalan, terasa juga sengal-sengal badan, tanda hamba hampir menjengah senja”.</i>
4.	<i>K4:1:06:42</i>	<i>“Masakan ayam selari musang”.</i>
5.	<i>K5:1:22:37</i>	<i>“Berpijak juga dinda pasir tanah kanda”.</i>

Ujaran yang diwakili oleh K1 yang terdapat pada jadual 2 di atas merupakan ujaran yang mempunyai makna konotasi. Makna konotasi di dalam ujaran tersebut adalah “Baguslah, Cu” dan diterjemahkan kepada “Well, good for you, my child”. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, ‘bagus’ bermaksud berkeadaan atau bersifat baik lagi memuaskan hati atau sangat baik. Namun begitu, makna konotasi bagi perkataan ‘baguslah, Cu’ mempunyai makna tersirat di sebalik daripada perkataan tersebut tetapi ia harus ditafsirkan dengan melibatkan konteks bagi memudahkan lagi proses pemahaman dalam kalangan penonton atau pendengar. Berdasarkan ujaran ‘baguslah,Cu’, ujaran ini tidak membawa maksud sebagai memuji atau menghargai tindakan yang dilakukan seseorang, sebaliknya menyatakan perasaan kesal atau sedih akan sikap seseorang dalam melakukan sesuatu perkara sehingga mengguriskan hati

individu yang lain. Makna konotasi bagi ‘baguslah, Cu’ ini dapat dilihat melalui konteks penceritaan di dalam filem ini bahawa Gusti Puteri Retno Dumilah amat mencintai Datuk Laksamana Hang Tuah, namun cinta mereka terhalang dek kerana kekanda kepada Gusti Puteri Retno Dumilah ingin menyatukannya dengan Sultan Melaka. Datuk Laksamana Hang Tuah yang merupakan kekasih hati Gusti Puteri Retno Dumilah ditugaskan untuk mengetuai rombongan peminangan bagi mewakili Sultan Melaka untuk meminang Gusti Puteri Retno Dumilah. Dek kerana patuh kepada Sultan Melaka, maka Datuk Laksamana Hang Tuah menuruti permintaan Sultan Melaka untuk meminang Gusti Puteri Retno Dumilah biarpun jiwanya penuh dengan kesedihan. Setibanya Datuk Laksamana Hang Tuah di Gunung Ledang, Gusti Puteri Retno Dumilah bertukar menjadi Nenek Kebayan untuk mengetahui akan hajat Datuk Laksamana dan rombongannya datang menemui Gusti Puteri. Sebaik sahaja Gusti Puteri mendengar bahawa Datuk Laksamana datang untuk meminang dirinya bagi pihak Sultan Melaka, Gusti Puteri amat berdukacita dan dalam nada yang sedih, Gusti Puteri menyatakan “baguslah, Cu. Taat yang tiada kesudahan, tiada penghujungnya”. Maksud konotasi di sebalik kata- kata tersebut bukanlah bermaksud memuji akan sikap Datuk Laksamana Hang Tuah yang begitu taat akan Sultan Melaka, tetapi membawa maksud tersirat iaitu Gusti Puteri berasa amat kesal akan sikap Datuk Laksamana yang bersungguh- sungguh mentaati Sultan Melaka sehingga sanggup mengenyahkan hati dan perasaannya sendiri serta menguriskan hati Gusti Puteri.

Makna konotasi yang diwakili oleh K2 yang terdapat pada jadual 2 di atas adalah “perempuan macam apa kamu ini?” dan diterjemah ke bahasa sasaran iaitu “what kind of a woman are you?”. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, ‘perempuan’ mempunyai rujukan yang umum iaitu jantina. Namun begitu, makna konotasi yang diwakili oleh K2 bukanlah merujuk kepada ‘perempuan’ semata- mata bahkan keseluruhan bagi ayat tersebut. Makna konotasi di dalam bagi K2 turut didukung oleh konteks penceritaan tersebut. Oleh itu, makna konotasi dapat dilihat apabila konteks penceritaannya adalah kekanda kepada Gusti Puteri Retno Dumilah, iaitu Gusti Adipati berasa amat marah kepada adindanya kerana mementingkan diri sendiri apabila mencintai Datuk Laksamana Hang Tuah dan menolak untuk menikahi Sultan Melaka. Gusti Adipati meminta adindanya menikahi Sultan Melaka dengan tujuan untuk meminta perlindungan dari Kerajaan Melaka bagi mempertahankan rakyat di negerinya. Namun begitu, apabila Gusti Puteri menolak akan peminangan Sultan Melaka, Gusti Adipati melihat Gusti Puteri sebagai seorang yang mementingkan diri dan tidak mempunyai perasaan belas kasihan terhadap rakyat di Majapahit, lalu Gusti Adipati bertanya “perempuan macam apa kamu ini?”

yang bukanlah membawa maksud sebenar bagi pertanyaan tersebut, sebaliknya memerli atau mengejek Gusti Puteri sebagai seorang perempuan yang tidak mempunyai harga diri. Oleh itu, makna konotasi yang terdapat di dalam jadual 2 di atas adalah menghina serta memandang rendah terhadap Gusti Puteri Retno Dumilah sebagai perempuan yang tidak berhati perut dan hanya mementingkan kepuasan hati sendiri semata-mata.

Berdasarkan ujaran yang terdapat pada jadual 2 di atas, makna konotasi yang diwakili oleh K3 dapat dilihat melalui kata-kata “tanda hamba hampir menjengah senja” dan diterjemahkan kepada “a sign I approach my twilight years”. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, ‘senja’ bermaksud waktu matahari hampir terbenam atau waktu hampir malam iaitu senjakala. Namun begitu, ujaran yang terdapat di dalam jadual 2 di atas bukanlah membawa maksud bahawa seseorang itu akan pergi ke tempat matahari terbenam atau waktu yang sudah memasuki gelap. Sebaliknya, makna konotasi atau makna tersirat di sebalik ujaran tersebut bermaksud umur seseorang yang semakin meningkat tua dan tidak lagi sekuat waktu muda dahulu. Oleh itu, seseorang akan mudah berasa sakit apabila berjalan terlalu lama atau melakukan aktiviti yang lasak.

Seterusnya, makna konotasi dapat dilihat melalui ujaran yang terdapat pada jadual 2 di atas yang diwakili oleh K4 iaitu “masakan ayam selari musang” dan diterjemah kepada “how can a chicken outrun a fox”. Kucing merupakan sejenis haiwan peliharaan yang mempunyai sifat manja manakala musang merupakan seekor haiwan yang mempunyai sifat yang garang, kuat dan lebih aktif berbanding dengan kucing. Maka, makna konotasi di sebalik ujaran yang terdapat pada jadual di atas adalah seseorang yang tidak mempunyai kekuatan diri yang abadi atau sempurna tidak akan mampu menandingi seseorang yang luar biasa kekuatannya dan tidak akan mampu untuk dikalahkan oleh sesiapa sahaja. Berdasarkan ujaran tersebut, konteks penceritaannya adalah apabila Orang Kaya membandingkan dirinya dengan Datuk Laksamana Hang Tuah dari segi kekuatan diri. Orang Kaya yang sedar dirinya tidak sekuat Datuk Laksamana Hang Tuah berkata “masakan ayam boleh selari dengan musang”. Oleh itu, makna konotasi bagi K4 adalah seseorang yang lemah tidak akan mampu menandingi kekuatan yang dimiliki oleh seseorang yang kuat dan bertenaga.

Selain itu, jadual 2 yang diwakili oleh K5 turut menunjukkan ujaran yang terdapat pada sari kata filem Puteri Gunung Ledang iaitu “berpijak juga dinda pasir tanah kanda” dan diterjemah kepada “here you are, walking on the land I walk on”. Ujaran di atas mempunyai makna konotasi di sebaliknya dan hal ini dapat difahami melalui konteks penceritaannya.

Berdasarkan konteks penceritaannya, Gusti Puteri Retno Dumilah menetap di negeri Majapahit manakala Datuk Laksamana Hang Tuah menetap di negeri Melaka. Kedua-duanya dipisahkan oleh sempadan dan lautan untuk menemui antara satu sama lain. Pada suatu hari, Gusti Puteri Retno Dumilah membuat keputusan untuk pergi ke bumi Melaka dan menetap di atas Gunung Ledang untuk menunggu kedatangan Datuk Laksamana Hang Tuah kepadanya. Apabila Datuk Laksamana Hang Tuah menemui dirinya, Datuk Laksamana berkata “berpijak juga dinda pasir tanah kanda” yang membawa maksud akhirnya Gusti Puteri Retno Dumilah datang juga ke negeri Melaka dan berada di negeri serta berpijak pada tanah yang sama seperti Datuk Laksamana Hang Tuah iaitu di Melaka. Oleh itu, makna konotasi bagi ujaran yang terdapat pada jadual di atas adalah Gusti Puteri Retno Dumilah akhirnya datang ke bumi Melaka dan berada di bumi yang sama dengan Datuk Laksamana Hang Tuah.

### III. Makna Afektif

Makna afektif atau makna emosi terdapat pada perkataan atau ujaran yang menyebabkan pembaca atau pendengar bertindak balas dan menimbulkan pelbagai emosi marah, sedih, gembira, suka, seronok, simpati dan sebagainya (Norizah Ardi et al,2011). Umumnya ia melibatkan emosi positif, neutral atau negatif.

**Jadual 3 : Makna Afektif**

BIL	DATA/MASA	BAHASA SUMBER
1.	<i>A1:1:07:41</i>	<i>“Kanda telah menemui <b>cinta</b> di Tanah Jawa”.</i>
2.	<i>A2:1:27:34</i>	<i>“<b>Hancur</b> lah hati kami, menyembah Sultan Melaka yang kami cintai, tanpa Gusti Puteri sebagai Permaisuri”.</i>
3.	<i>A3:1:38:16</i>	<i>“Aku yang akan <b>bunuh</b> kamu”.</i>
4.	<i>A4:1:56:28</i>	<i>“Semua ini peritnya seperti menelan <b>hempedu</b>”.</i>

5.	A5:2:01:29	<i>"Pilu beta dengar hirisan katamu itu".</i>
----	------------	---

Makna afektif dapat dilihat pada jadual 3 yang diwakili oleh A1 di atas. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, 'cinta' bermaksud perasaan kasih dan sayang yang mendalam terhadap seseorang tanpa bandingan. Makna afektif yang terdapat pada jadual di atas adalah 'cinta' dan diterjemah kepada bahasa sasaran iaitu 'love'. Cinta merupakan sesuatu perasaan yang menggembirakan dan menyeronokkan. Setiap pasangan yang bercinta akan berasa tenang dan damai kerana berada di samping antara satu sama lain. Berdasarkan konteks penceritaan di dalam filem yang dikaji, perkataan 'cinta' yang diungkap membawa maksud perasaan yang gembira kerana menemui sebuah cinta daripada seseorang yang dikasihinya. Selain itu, ia turut membawa maksud terharu kerana akhirnya dapat merasakan cinta yang dicari selama ini. Hal ini telah menimbulkan perasaan yang gembira dalam kalangan penonton atau pendengar. Tambahan pula, penonton atau pendengar akan didorong untuk berasa seronok kerana cinta merupakan sebuah lumrah yang akan dirasai oleh setiap manusia. Oleh itu, makna afektif yang terkandung di dalam ujaran yang diwakili oleh A1 adalah suatu perasaan yang gembira, terharu dan seronok.

Seterusnya merupakan makna afektif yang diwakili oleh A1 pada jadual 3 di atas. Kamus Dewan Edisi Keempat, 'hancur' bermaksud hancur menjadi serbuk atau serta membawa maksud remuk. Makna afektif yang terkandung di dalam jadual A2 adalah "hancur" dan diterjemahkan kepada bahasa sasaran menjadi "break". Makna afektif 'hancur' ini membawa maksud bahawa seseorang berasa terkilan dan sangat kesal sehingga remuk hatinya kerana tidak dapat memenuhi hajat atau sesuatu perkara yang ingin dilakukan. Selain itu, perasaan ini juga membawa kepada rasa yang amat sedih dan juga berdukacita akan hal tersebut. Misalnya, konteks penceritaan yang membawa makna afektif 'hancur' dalam filem tersebut adalah apabila Sultan Melaka terlalu ingin menikahi Gusti Puteri Retno Dumilah dan menghantar rombongan meminang terhadap Gusti Puteri. Namun, apabila Gusti Puteri enggan menerima, Orang Kaya yang turut mengikuti rombongan meminang tersebut mengatakan bahawa "hancurlah hati kami, menyembah Sultan Melaka yang kami cintai, tanpa Gusti Puteri sebagai Permaisurinya". Dek kerana terlalu menyayangi dan taat setia terhadap Sultannya, Orang Kaya berasa kecewa sehingga remuk hatinya untuk mengatakan bahawa Gusti Puteri



enggan menerima terhadap Sultan Melaka yang dicintainya. Maka, makna afektif ‘hancur’ membawa makna kecewa, kesal dan terkilan. Oleh hal yang demikian, penonton atau pendengar yang mendengar akan ujaran tersebut turut berasa terkesan dan mengasihahi Orang Kaya yang berduka.

Selain itu, makna afektif dapat juga dilihat berdasarkan ujaran yang diwakili oleh A3 pada jadual 3 di atas. Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan ‘bunuh’ sebagai mengambil nyawa seseorang dengan sengaja. Makna afektif yang terkandung pada jadual di atas adalah ‘bunuh’ dan diterjemah kepada bahasa sasarannya iaitu ‘kill’. Makna afektif ‘bunuh’ ini membawa maksud sebagai perbuatan yang menghilangkan atau mengambil nyawa seseorang dengan menggunakan alat tajam seperti pisau, keris serta alat senjata seperti pistol atau senapang. Berdasarkan ujaran yang terdapat pada jadual 3, konteks penceritaan bagi ujaran ini adalah apabila Gusti Adipati bergaduh dengan Datuk Laksamana Hang Tuah mengenai rasa tidak puas hatinya akan tindakan Datuk Laksamana Hang Tuah yang bermain cinta dengan Gusti Puteri Retno Dumilah. Gusti Adipati berasa marah terhadap Datuk Laksamana Hang Tuah sehingga berkata “aku akan bunuh kamu”. Makna afektif ‘bunuh’ ini menimbulkan rasa gerun dalam kalangan penonton atau pendengar kerana membawa maksud yang tidak baik. Oleh itu, makna afektif ini turut menimbulkan rasa takut dalam kalangan penonton atau pendengar. Oleh yang demikian, makna afektif ‘bunuh’ ini telah menimbulkan emosi pendengar.

Makna afektif yang terkandung pada jadual 3 di atas diwakili oleh A4 berdasarkan ujarannya iaitu “Semua ini peritnya bagai menelan hempedu” di dalam bahasa sumbernya dan diterjemahkan kepada bahasa sasarannya iaitu “This is all too painful. Like swallowing bile”. Makna afektif bagi ujaran tersebut adalah ‘perit’ dan diterjemahkan kepada ‘pain’. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, perit bermaksud kepedihan, kesukaran, kesakitan, kesusahan dalam menghadapi sesuatu kehidupan. Berdasarkan ujaran yang terdapat pada jadual 3, makna afektif berlaku apabila timbulnya perkataan ‘perit’. Perit bermaksud kesakitan atau kesusahan yang sukar untuk ditempuhi dan hal ini telah membawa kepada perasaan bimbang atau susah hati oleh seseorang. Konteks penceritaan bagi ujaran di atas berlaku apabila Sultan Melaka berasa amat sukar untuk membuat keputusan samada untuk membunuh anaknya ataupun menikahi Gusti Puteri Retno Dumilah tetapi dengan syarat, harus mendapatkan semangkuk darah Putera Ahmad yang merupakan anakanda kepada Sultan Melaka. Maka, terbitlah rasa kebimbangan serta rasa susah hati dalam diri Sultan Melaka dalam membuat pilihan yang terbaik. Oleh itu, makna afektif ini telah menimbulkan rasa kebimbangan dalam

kalangan penonton untuk mengetahui keputusan yang bakal dilakukan oleh Sultan Melaka. Tambahan pula, rasa kesakitan dan kesukaran untuk membuat pilihan yang dialami oleh Sultan Melaka turut menjejaskan dan dirasai emosi penonton.

Tambahan pula, makna afektif yang dapat dilihat berdasarkan jadual 3 yang berikut adalah “Pilu beta dengar hirisan katamu itu” dan diterjemah ke bahasa sumber iaitu “I am grieved by your harsh words”. Makna afektif yang terlibat adalah ‘pilu’ dan diterjemah dalam bahasa sasaran menjadi ‘grived’. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, ‘pilu’ bermaksud sedih, hiba serta hati yang rawan. Berdasarkan konteks penceritaan yang membawa kepada ujaran tersebut, Sultan Melaka berasa amat sedih apabila mendengar kata- kata Gusti Puteri Retno Dumilah yang menolak peminangan Tuanku sehingga membuat permintaan yang tidak masuk akal seperti tujuh dulang air mata anak dara, tujuh dulang hati nyamuk dan semangkuk darah Putera Mahkota Ahmad. Sultan Melaka merasa bahawa dirinya telah dipermainkan oleh Gusti Puteri sedangkan Tuanku begitu bersungguh- sungguh ingin mengahwini Gusti Puteri Retno Dumilah. Namun, apakah daya apabila Gusti Puteri enggan menerimanya sebagai teman hidup. Lalu, Sultan Melaka berkata “Pilu beta dengar hirisan katamu itu”. Oleh itu, makna afektif ‘pilu’ telah menimbulkan rasa simpati dalam kalangan penonton akan kesedihan yang dirasai oleh Sultan Melaka.

#### IV. Makna Kolokasi

Makna kolokasi atau makna kolokatif ialah makna yang berbeza berdasarkan penggunaan sesuatu kata pada tempat atau kolokasi yang tertentu dengan perkataan lain (Norizah Ardi et al, 2011).

BIL	DATA/MASA	BAHASA SUMBER
1.	<i>K11:23:14</i>	<i>“Kembang mekar bunga Melati”.</i>
2.	<i>K12:33:30</i>	<i>“Gusti Adipati dari Majapahit di gerbang Istana”.</i>
3.	<i>K13:42:38</i>	<i>“Bolehkah anakanda habiskan satu juz Al-Quran lagi?”</i>

Antara makna kolokasi yang diperoleh berdasarkan ujaran yang terdapat pada jadual 4 di atas adalah “Kembang mekar bunga Melati” dan diterjemahkan ke bahasa sasaran iaitu “ Pretty is the rose in blossom” yang diwakili Kl1. Makna kolokasi yang diperoleh adalah di antara dua perkataan yang digabungkan iaitu ‘kembang’ dan ‘mekar’. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, ‘kembang’ bermaksud tumbuhan yang amat segar dan mula membiak sehingga besar manakala ‘mekar’ pula bererti mulai berkembang, mengurai dan bunga yang sedang berkembang sehingga menjadi banyak. Kedua- dua iaitu ‘kembang’ dan ‘mekar’ merupakan makna kolokasi kerana kedua- duanya boleh digabungkan untuk membentuk suatu klausa. Selain itu, ‘kembang’ dan ‘mekar’ juga sesuai untuk dipadankan bagi menghasilkan satu makna iaitu bunga yang sedang mekar menjadi banyak dan segar. Oleh itu, ‘kembang’ dan ‘mekar’ merupakan padanan kolokasi yang tepat dan tidak menimbulkan sebarang rasa janggal apabila menyebutnya.

Selain itu, makna kolokasi yang berikutnya dapat dilihat berdasarkan ujaran yang terdapat pada jadual 4 di atas yang diwakili oleh Kl 2 iaitu “Gusti Adipati dari Majapahit di gerbang Istana” dditerjemahkan ke bahasa sasaran iaitu “His Highness Gusti Adipati Of Majapahit is at the palace gates”. Antara makna kolokasi yang terdapat pada ujaran tersebut adalah ‘gerbang’ dan ‘istana’. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, ‘gerbang’ bermaksud pintu besar yang di sebelah atasnya terdapat satu binaan melengkung atau memasuki. Selain itu, ‘istana’ pula bermaksud kediaman rumah kediaman Raja atau Ketua Negara. Kedua- duanya merupakan gabungan yang sesuai untuk menghasilkan makna kolokasi. Hal ini demikian kerana, ‘gerbang’ membawa maksud kepada ‘pintu besar’, oleh itu ia merupakan penggunaan istilah kata yang tepat bagi menggantikan maksud ‘pintu’ bagi mengikuti kesesuaian konteks iaitu di kawasan istana. Oleh itu, ‘gerbang’ dan ‘istana’ merupakan dua perkataan yang sesuai untuk digabungkan bagi menghasilkan satu makna iaitu ‘pintu masuk istana’. Maka, ‘gerbang istana’ merupakan dua kata yang sesuai untuk digabungkan bagi menggambarkan konteks istana yang wujud pada filem tersebut.

Tambahan pula, jadual 4 yang diwakili oleh Kl 3 menunjukkan ujaran yang memiliki makna kolokasi yang sesuai antara dua perkataan daripada ujaran yang berikut iaitu “Bolehkah anakanda habiskan satu juz al-quran lagi?” dan diterjemahkan kepada bahasa sasarannya iaitu “Can you recite another verse of Quran?”. Makna kolokasi yang terdapat pada ujaran di atas adalah “juz” dan “Al- Quran”. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, ‘juzuk’ atau ‘juz’

bermaksud sebahagian manakala Al- Quran pula adalah wahyu atau perkara yang diturunkan oleh Tuhan untuk dibaca dan dihafaz. Maka dengan itu, perkataan ‘juz’ sesuai untuk digabungkan bersama- sama dengan ‘al- quran’ kerana kedua- duanya merupakan laras bahasa yang sering digunakan untuk mengatakan bahagian al- quran yang hendak atau telah dibaca. Oleh itu, ‘juz’ dan ‘al-quran’ merupakan gandingan dua perkataan yang tepat untuk digabungkan bagi menghasilkan satu makna iaitu ‘satu bahagian al- quran’. Apabila penonton atau pendengar mendengarnya, maka mereka akan dapat memahami dengan apa yang dimaksudkan akan membaca juz al- quran.

## V. Makna Stilistik

Bukan itu sahaja, makna stilistik turut ditemui di dalam sari kata filem Puteri Gunung Ledang tersebut. Makna stilistik merujuk kepada penggunaan bahasa dalam situasi sosial yang tertentu (Norizah Ardi et al, 2011). Makna stilistik juga terdapat pada dalam laras (bahasa undang- undang, sains, perubatan) status (bahasa diraja, slanga, jargon) dan ragam (bahasa syarahan, ceramah, berjenaka dan sebagainya (Norizah Ardi et al,2011).

**Jadual 5 : Makna Stilistik**

BIL	DATA/MASA	BAHASA SUMBER
1.	<i>S1:38:41</i>	<i>“Daulat Tuanku”.</i>
2.	<i>S2:38:54</i>	<i>“Ampun Tuanku”.</i>
3.	<i>S3:1:00:36</i>	<i>“Kalau ada satu jatuh, satu penampar Bugis aku jatuh ke muka korang”.</i>

Berdasarkan jadual 5 di atas, terdapat penggunaan makna stilistik di dalam ujaran yang diwakili oleh S1 iaitu “Daulat Tuanku” dan diterjemahkan ke bahasa sasarannya iaitu “Long live the Sultan”. Makna stilistik yang terkandung di dalam ujaran tersebut adalah “Daulat

Tuanku”. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, ‘daulat Tuanku’ bermaksud benar Tuanku dan berbahagialah Tuanku. Ujaran ‘daulat Tuanku’ hanya digunakan di dalam konteks istana sahaja. Ungkapan tersebut juga merupakan ucapan yang hanya diucapkan oleh pembesar-pembesar diraja mahupun kerabat diraja terhadap Sultan atau Raja mereka. Simbol di sebalik ucapan ‘daulat Tuanku’ adalah untuk menyatakan persetujuan atau memperkenankan sesuatu keputusan yang dilakukan oleh Sultan tetapi dengan cara yang merendah diri. Maksud kepada ucapan ‘daulat Tuanku’ adalah bertujuan sebagai menghormati akan sesuatu keputusan yang telah ditetapkan oleh Sultan mereka. Selain itu, ucapan juga membawa maksud agar Sultan berbahagia dengan keputusan yang dilakukan serta dapat menikmati kebaikannya.

Seterusnya, makna stilistik dapat dilihat melalui ujaran yang diwakili oleh S2 yang berikut. Makna stilistik yang berikutnya adalah “Ampun Tuanku” dan diterjemahkan kepada bahasa sasarannya iaitu “Your Majesty”. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, ‘ampun tuanku’ bermaksud pembuka kata sebelum menyatakan pendapat, anggapan dan sangka. Ucapan ‘ampun tuanku’ sering disebut oleh para pembesar atau pun rakyat biasa sebagai permulaan bagi menyatakan sesuatu pandangan, pendapat atau perasaannya. ‘Ampun tuanku’ disebut terlebih dahulu bagi menyatakan rasa rendah diri dalam kalangan penutur sebelum mengemukakan apa-apa pandangan atau cadangan. Hal ini bertujuan untuk meminta izin atau restu terlebih dahulu sebelum menyatakan isi sebenar sesebuah ucapan. Selain itu, ucapan ‘ampun tuanku’ juga digunakan sebagai tanda menghormati Sultan atau Raja sebagai pemerintah yang tertinggi serta mengakui kedudukan baginda sebagai raja yang berdaulat. Oleh itu, ‘ampun tuanku’ digunakan sebagai pembuka kata sebelum menyatakan hasrat hati yang sebenar sebagai tanda menghormati dan merendah diri terhadap Sultan serta dapat digunakan untuk meminta maaf sekiranya terdapat keterlanjuran dalam kata-kata.

Selain itu, makna stilistik yang berikutnya terdapat pada ujaran yang diwakili oleh S3 pada jadual 5 di atas. Berdasarkan ujaran yang terdapat pada jadual di atas, makna stilistik dapat dilihat melalui ujarannya iaitu “Kalau ada satu jatuh, satu penampar Bugis aku jatuh ke muka korang” dan diterjemahkan ke bahasa sasarannya iaitu “If one falls, one Bugis slap will befall on your face”. Ujaran berikut menggambarkan sikap penutur yang bersifat perengus, pemarah dan kurang sabar. Maka, konteks sewaktu penutur melafazkan ujaran tersebut menggambarkan diri penutur tersebut. Hal ini dapat dilihat apabila penutur menggunakan kata-kata yang kasar dan dapat menimbulkan rasa takut dalam diri pendengar. Oleh itu, kata-kata yang dilafazkan ketika bertutur dapat melambangkan identiti seseorang yang sebenar.

## VI. Makna Figuratif

Makna figuratif merupakan makna bagi kata atau frasa yang mempunyai rujukan lain daripada makna harfiah (Norizah Ardi et al,2011). Biasanya makna ini dipengaruhi oleh aspek budaya dalam sesebuah masyarakat yang mengamalkannya (Norizah Ardi et al,2011).

**Jadual 6 : Makna Figuratif**

BIL	DATA/MASA	BAHASA SUMBER
1.	<i>F1:43:17</i>	<i>“Tak ke mana tumpahnya kuah kalau tak ke nasi,kan?”</i>
2.	<i>F2:51:03</i>	<i>“Kalau Melaka izinkan Gusti Puteri mengahwini Pengeran Demak, ia seperti menconteng arang ke muka sendiri”.</i>
3.	<i>F3:1:01:02</i>	<i>“Tindakan hamba bukan melulu, kesemuanya hamba susun supaya rambut yang ditarik, tepung tidak berselerak”.</i>
4.	<i>F4:1:09:45</i>	<i>“Jika patah sayap raja wali, bertongkat jua kanda ke mari”.</i>

Makna figuratif yang diperoleh berdasarkan ujaran yang terdapat di dalam sari kata filem Puteri Gunung Ledang adalah “tak ke mana tumpahnya kuah kalau tak ke nasi, kan?” dan diterjemahkan kepada “but then again, you are my son”. Ungkapan ‘tak ke mana tumpahnya kuah kalau tak ke nasi’ bermaksud sifat atau sikap seseorang individu yang diwarisi oleh kedua ibu bapanya atau ahli keluarga terdekat. Misalnya, sesetengah perengai yang terdapat manusia adalah disebabkan ia diwarisi oleh kedua- dua ibu bapanya. Hal ini juga disebabkan oleh faktor genetik yang kuat di antara anak dan ibu bapanya. Oleh itu, ungkapan ‘tak ke mana tumpahnya kuah kalau tak ke nasi’ mempunyai maksud sesuatu sikap yang diwarisi oleh ahli keluarga terdekat.

Makna figuratif yang berikutnya terdapat pada jadual di atas yang diwakili oleh F2. Ujaran yang diwakili oleh F2 adalah “Kalau Melaka izinkan Gusti Puteri mengahwini Pengeran Demak, ia seperti menconteng arang ke muka sendiri” dan diterjemahkan ke bahasa

sasarannya iaitu “If Melaka allows the Princess, Gusti Puteri to marry Prince Demak, it'd be like smearing coal on your faces”. Ujaran yang memiliki makna figuratif adalah ‘menconteng arang ke muka sendiri’. Ungkapan ‘menconteng arang ke muka sendiri’ bermaksud seseorang yang mendedahkan aibnya atau melakukan sesuatu perbuatan yang dapat menjatuhkan air mukanya sendiri. Berdasarkan konteks penceritaan yang terdapat di dalam filem Puteri Gunung Ledang, perbuatan ‘menconteng arang ke muka sendiri’ dapat dilihat apabila Sultan Melaka merelakan Gusti Puteri Retno Dumilah mengahwini Putera Demak, walhal perkhabaran mengenai perkahwinan Sultan Melaka dan Gusti Puteri telah disebarkan kepada umum. Oleh itu, sekiranya Sultan Melaka membenarkan Gusti Puteri mengahwini Putera Demak, Sultan Melaka tentu akan mendapat malu kerana telah menghebahkan berita mengenai perkahwinannya kepada rakyat jelata. Oleh itu, ungkapan ‘menconteng arang ke muka sendiri’ bermaksud perbuatan yang menyebabkan diri sendiri mendapat malu akibat daripada perbuatan diri sendiri.

Bukan itu sahaja, terdapat juga makna figuratif yang ditemui pada ujaran “Tindakan hamba bukan melulu, kesemuanya hamba susun supaya rambut yang ditarik, tepung tidak berselerak” dan diterjemahkan kepada “My actions have not been made in haste. All has been arranged to ensure when a strand of hair is pulled, it will not upset the flour in the bowl”. Makna figuratif yang ditemui adalah ‘rambut yang ditarik, tepung tidak berselerak’. Ungkapan ‘rambut yang ditarik, tepung tidak berselerak’ membawa maksud seseorang yang berhati-hati dalam melakukan sesuatu perkara agar kesemuanya berjalan lancar seperti yang dirancang. Juga, ia bermaksud agar sesuatu yang dirancang akan berjaya tanpa menjejaskan mana-mana pihak. Berdasarkan konteks penceritaan yang terdapat di dalam filem Puteri Gunung Ledang, makna figuratif tersebut digunakan bagi menggambarkan bahawa Datuk Bendahara merancang sesuatu strategi dengan penuh teliti bagi memastikan Sultan Melaka dapat mengahwini Gusti Puteri Retno Dumilah. Hal ini demikian kerana, sekiranya Sultan Melaka mengahwini Gusti Puteri, Datuk Laksamana Hang Tuah tidak akan dituduh sebagai penyebab berlakunya huru-hara di kota Majapahit. Maka, Datuk Bendahara merancang strategi seperti yang diperkatakannya iaitu “rambut yang ditarik, tepung tidak berselerak”.

Seterusnya, makna figuratif turut dapat dilihat pada ujaran yang diwakili oleh F4. Makna figuratif berikutnya adalah “Jika patah sayap raja wali, bertongkat jua kanda ke mari” dan diterjemahkan kepada “Broken may be the wing of the phoenix, in swathe and staff, i'll heed your call”. Ungkapan tersebut bermaksud seseorang akan melakukan sesuatu tidak kira apa pun yang berlaku dan walaupun dalam keadaan serba kekurangan bagi menghadirkan dirinya

kepada seseorang yang amat dikasihinya. Selain itu, ia juga bermaksud kesungguhan seseorang untuk pergi kepada seseorang yang dicintainya. Berdasarkan konteks penceritaan yang terdapat di dalam filem tersebut, Datuk Laksamana Hang Tuah menyatakan rasa cintanya kepada Gusti Puteri Retno Dumilah dengan menyatakan bahawa dia sanggup melakukan apa sahaja untuk datang kepada Gusti Puteri walaupun pada saat dia tiada daya lagi. Oleh itu, ‘jika patah sayap raja wali, bertongkat jua kanda ke mari’ bermaksud kesanggupan seseorang untuk menemui cintanya dengan apa cara sekalipun.

#### 4.1.2 Strategi Terjemahan Makna

Bahagian ini akan menyenaraikan strategi terjemahan sari kata bagi setiap jenis- jenis makna yang terdapat pada sari kata filem ‘Puteri Gunung Ledang’.

#### I. Pemindahan (Transfer)

Melalui strategi terjemahan ini, penyari kata akan menterjemah secara terus tanpa mengubah mana-mana struktur ayat. Strategi ini juga menterjemah ayat secara literal tanpa mengubah, menambah serta mengugurkan mana- mana perkataan.

**Jadual 7 : Strategi Pemindahan**

BIL	DATA	BAHASA SUMBER	BAHASA SASARAN
1.	D1:6:26	<i>“Tugas hamba bawa gadis ini kepada ketua hamba”.</i>	<i>“It is my duty to take this girl to my leader, Sir”.</i>
2.	D2:10:18	<i>“Kalau memang kuat hembusan angin Melaka, kedatangan Gusti Puteri akan sampai jua ke telinganya”.</i>	<i>“If the winds of Melaka blow strong, news of your arrival will surely reach his ears”.</i>
3.	K2:47:45	<i>“Perempuan macam apa kamu ini?”.</i>	<i>“What kind of a woman are you?”.</i>



4.	<i>K3:1:06:14</i>	<i>“Seharian berjalan, terasa juga sengal- sengal badan, tanda hamba hampir menjengah senja”.</i>	<i>“Just a day of walking, already my whole body aches, surely a sign I approach my twilight years”.</i>
----	-------------------	---	--

Berdasarkan data D1:6:26 yang terdapat pada Jadual 7 di atas iaitu “tugas hamba bawa gadis ini kepada ketua hamba” dan terjemahannya iaitu *“it is my duty to take this girl to my leader, sir”*, data tersebut menggunakan strategi pemindahan bagi menterjemahkan ujaran tersebut kepada sari kata di dalam bahasa sasaran. Hal ini bermakna, ujaran yang terkandung di dalam bahasa sumber merupakan sebuah ujaran yang diterjemah secara literal di dalam bahasa sasaran. Ia dapat dilihat apabila ujaran “tugas hamba bawa gadis ini kepada ketua hamba” diterjemah ke dalam bentuk sari kata secara literal tanpa mengubah, menambah atau menggugurkan mana- mana perkataan di dalam ujaran tersebut dengan diterjemah kepada *“it is my duty to take this girl to my leader, sir”*. Penggunaan strategi ini akan membolehkan ujaran tersebut dapat difahami dalam kalangan penonton kerana ia adalah lengkap dan menepati ciri- ciri tatabahasa di dalam bahasa sasaran. Sekiranya penterjemah menggugurkan atau menambah mana- mana perkataan di dalam sari kata tersebut, kemungkinan sesuatu konteks sukar untuk difahami oleh penonton. Selain itu, ujaran tersebut mengandungi sesuatu perbuatan atau perlakuan, maka penonton akan memahami bahawa ia sebuah ujaran yang mengandungi unsur tindakan atau perlakuan. Maka, strategi ini amat sesuai untuk digunakan dalam menterjemah ujaran yang berikut.

Seterusnya merupakan data D2:10:18 yang terkandung pada jadual 7 di atas iaitu “Kalau memang kuat hembusan angin Melaka, kedatangan Gusti Puteri akan sampai jua ke telinganya” dan diterjemah ke bahasa sasaran iaitu *“If the winds of Melaka blow strong, news of your arrival will surely reach his ears”*. Data ini turut menggunakan strategi pemindahan dalam menterjemah ujaran di dalam bahasa sumber ke sari kata dalam bahasa sasaran. Hal ini demikian kerana, ayat tersebut diterjemah secara literal ke bahasa sasaran tanpa mengubah sebarang struktur ayat atau bentuk bahasa sumber dalam sari kata bahasa sasaran. Begitu juga dengan setiap bait kata- kata yang tidak mengandungi sebarang unsur penambahan atau pengurangan. Sekiranya terdapat mana- mana perkataan digugurkan, maka makna yang terkandung dalam bahasa sumber tidak dapat disampaikan dengan tepat dalam bahasa sasaran. Maka, strategi terjemahan ini akan membolehkan penonton memahami setiap kata- kata yang

diujarkan dan sesuatu mesej yang ingin disampaikan adalah tepat dan benar. Ujaran tersebut merupakan sebuah ujaran yang mengandungi unsur kata- kata yang ingij menyampaikan atau menyatakan sesuatu perkara. Oleh itu, pemahaman tersebut dijelaskan di dalam sari kata di dalam bahasa sasaran dengan tepat melalui penggunaan strategi pemindahan tersebut.

Selain itu, data K2:47:45 pada jadual 7 iaitu “perempuan macam apa kamu ini?” dan terjemahannya ke sari kata bahasa sasaran iaitu “*what kind of a woman are you?*” turut menggunakan strategi pemindahan. Hal ini demikian kerana, ujaran tersebut diterjemah ke sari kata bahasa sasaran tanpa mengubah sebarang ayat atau bentuk ujaran di dalam bahasa sasaran. Bukan itu sahaja, ujaran tersebut diterjemah secara literal, maka tiada sebarang unsur penambahan atau pengguguran yang berlaku sewaktu menterjemahkannya. Strategi terjemahan ini juga menjadikan terjemahannya dalam sari kata bahasa sasaran adalah ringkas namun masih mengekalkan kesamaan makna di antara kedua- dua bahasa iaitu bahasa sumber dan bahasa sasaran. Sekiranya terdapat pengguguran mana- mana perkataan seperti ‘perempuan’ misalnya, kemungkinan sesuatu mesej tersebut adalah tidak selari seperti yang terdapat di dalam ujaran bahasa sumber dan tidak dapat menimbulkan kesan yang sama seperti yang terdapat di dalam ujaran bahasa sumber. Oleh itu, strategi pemindahan bagi ujaran yang terdapat pada data K2 adalah tepat untuk diterjemahkan ayatnya.

Begitu juga dengan data yang terdapat pada jadual 7 di atas iaitu, “seharian berjalan, terasa juga sengal- sengal badan, tanda hamba hampir menjengah senja” dan terjemahannya dalam sari kata bahasa sasaran iaitu “*just a day of walking, already my whole body aches, surely a sign I approach my twilight years*”. Ujaran dalam bahasa sumber mengandungi ayat yang panjang dan diterjemahkan dengan menggunakan strategi pemindahan bagi memastikan bahawa tiada perkataan dalam bahasa sumber yang tertinggal atau digugurkan yang akan menyebabkan kesukaran mentafsir makna berlaku. Hal ini disebabkan oleh ujaran tersebut mengandungi ayat yang padu yang membawa makna kepada sesuatu ujaran dan sekiranya ia tidak diterjemah dengan baik, maka sesuatu unsur yang penting yang ingin disampaikan tidak akan dapat disampaikan untuk pengetahuan penonton. Ujaran tersebut mengandungi unsur yang ingin menyatakan sesuatu perkara atau kesakitan yang dirasakan, maka keseluruhan ayatnya memainkan peranan penting yang perlu diterjemah ke dalam sari kata bahasa sasaran.

Oleh itu, jelaslah bahawa strategi pemindahan merupakan strategi yang sesuai digunakan tanpa mengubah mana- mana struktur ayat di dalam bahasa sumber apabila diterjemah ke bahasa sasaran.

## II. Strategi Parafrasa

Strategi ini digunakan untuk menterjemah ujaran yang tidak boleh diterjemah menggunakan bentuk sintaksis yang sama. Oleh itu, penyari kata perlu menghasilkan sari kata menggunakan bentuk, struktur dan binaan ayat yang berbeza tetapi masih mengekalkan maklumat yang ingin disampaikan.

**Jadual 8 : Strategi Parafrasa**

BIL	DATA/MASA	BAHASA SUMBER	BAHASA SASARAN
1.	<i>A5:2:01:29</i>	<i>“Pilu beta dengar hirisan katamu itu”.</i>	<i>“I am grieved by your harsh words”.</i>
2.	<i>S1:38:41</i>	<i>“Daulat Tuanku”.</i>	<i>“Long live the Sultan”.</i>

Berdasarkan data bagi A5:2:01:29 iaitu “Pilu beta dengar hirisan katamu itu” dan terjemahannya di dalam sari kata bahasa sasaran iaitu “*I am grieved by your harsh words*” turut menggunakan strategi parafrasa untuk terjemahannya di dalam sari kata bahasa sasaran. Hal ini dapat dilihat apabila kedudukan struktur ayat di dalam bahasa sumber adalah berbeza apabila ia diterjemahkan ke sari kata bahasa sasaran. Misalnya, struktur ayat bagi ‘pilu beta’ bertukar kepada ‘*I am grieved*’ iaitu apabila diterjemah menjadi ‘saya pilu’. Namun begitu, strategi parafrasa ini tidak mengubah makna asal yang terkandung di dalam bahasa sumber. Penggunaan parafrasa adalah untuk memastikan bahawa sesuatu perkataan diterjemah dengan betul dengan mengikuti struktur tatabahasa yang terdapat di dalam bahasa sasaran. Tanpa penggunaan struktur ayat yang tepat, maka sesuatu ujaran menjadi janggal dan tidak tepat untuk dibaca.

Selain itu, data bagi S1:38:41 iaitu “Daulat Tuanku” dan terjemahannya ke sari kata bahasa sasaran adalah “*Long live the Sultan*” turut diterjemah menggunakan strategi parafrasa. Hal ini demikian kerana, ujaran ‘daulat Tuanku’ tidak dapat diterjemah secara literal ataupun menggunakan strategi terjemahan yang lain berikutan dengan ujaran tersebut yang tidak

terdapat di dalam bahasa sasaran. Oleh itu, strategi parafrasa diguna pakai bagi menterjemah ujaran tersebut dengan tidak mengeneipkan makna daripada ujaran bahasa sumber yang asal. Tambahan pula, bentuk atau struktur sintaksisnya juga turut berbeza apabila ia diterjemah ke bahasa sasaran. Oleh itu, strategi parafrasa sesuai digunakan untuk mengolah perkataan agar bertepatan dengan makna di dalam bahasa sumber.

### III. Strategi Peniruan (Imitation)

Strategi ini adalah strategi terjemahan yang digunakan apabila penyari kata menyalin semula ujaran dalam bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran tanpa mengubah sebarang struktur ayat. Tiada penambahan atau pengguguran kata dibuat semasa menterjemah ujaran bahasa sumber. Kebiasaannya strategi ini digunakan untuk menterjemah nama khas dan istilah-istilah khusus yang tiada padanan dalam bahasa sasaran.

**Jadual 9 : Strategi Peniruan**

BIL	DATA	BAHASA SUMBER	BAHASA SASARAN
1.	<i>D2:10:18</i>	<i>“Kalau memang kuat hembusan angin Melaka, kedatangan Gusti Puteri akan sampai jua ke telinganya”.</i>	<i>“If the winds of Melaka blow strong, news of your arrival will surely reach his ears”.</i>
2.	<i>F2:51:03</i>	<i>“Kalau Melaka izinkan Gusti Puteri mengahwini Pengeran Demak, ia seperti menconteng arang ke muka sendiri”.</i>	<i>“If Melaka allows the Princess, Gusti Puteri to marry Prince Demak, it'd be like smearing coal on our faces”.</i>
3.	<i>K13:42:38</i>	<i>“Bolehkah anakanda habiskan satu juz al-Quran lagi?”</i>	<i>“Can you recite another verse of the Quran? ”</i>

4.	<i>S3:1:00:36</i>	<i>“Kalau ada satu jatuh, satu penampar Bugis aku jatuh ke muka korang”.</i>	<i>“If one falls, one Bugis slap will befall on your face”.</i>
5.	<i>D4:19:04</i>	<i>“Terima kasih, Tun Mamat”.</i>	<i>“Thank you, Tun Mamat”.</i>
6.	<i>A2:1:27:34</i>	<i>“Hancur lah hati kami, menyembah Sultan Melaka yang kami cintai, tanpa Gusti Puteri sebagai Permaisuri”.</i>	<i>“It will break our hearts to return to our beloved Sultan without you, Gusti Puteri, as his queen”.</i>

Berdasarkan data yang terdapat pada jadual 9 di atas, terdapat ujaran- ujaran yang menggunakan strategi peniruan apabila diterjemah ke sari kata bahasa sasaran. Antaranya adalah data D2:10:18 iaitu “Kalau memang kuat hembusan angin Melaka, kedatangan Gusti Puteri akan sampai jua ke telinganya” dan terjemahannya ke sari kata bahasa sasaran iaitu *“If the winds of Melaka blow strong, news of your arrival will surely reach his ears”* serta data F2:51:03 iaitu “Kalau Melaka izinkan Gusti Puteri mengahwini Pengeran Demak, ia seperti menconteng arang ke muka sendiri” dan terjemahannya ke sari kata bahasa sasaran iaitu *“If Melaka allows the Princess, Gusti Puteri to marry Prince Demak, it’d be like smearing coal on our faces”*. Kedua- dua data ini menggunakan strategi peniruan untuk menterjemahkan ‘Melaka’ ke sari kata bahasa sasaran. Jika diikutkan, penterjemah boleh menterjemahkannya kepada ‘Malacca’ yang juga merujuk kepada ‘Melaka’, namun penterjemah cenderung untuk menggunakan perkataan ‘Melaka’ yang turut mengandungi ejaan serta sebutan yang sama di dalam bahasa sumber. Penterjemah menggunakan strategi ini berkemungkinan untuk mengekalkan ejaan dan sebutannya secara sengaja dan dapat dijadikan ilmu tambahan kepada penonton bahasa sasaran tersebut.

Selain itu, data bagi K13:42:38 yang terdapat pada jadual 9 di atas iaitu “bolehkah anakanda habiskan satu juz al- Quran lagi?” dan terjemahannya iaitu *“can you recite another verse of*

*the Quran?* ” juga diterjemah dengan menggunakan strategi peniruan. Hal ini dapat dilihat apabila perkataan ‘Quran’ yang terkandung di dalam ujaran bahasa sasaran dikekalkan di dalam sari kata bahasa sasaran dengan menggunakan strategi peniruan menjadi ‘Quran’. Pengekalan perkataan ini dilakukan kerana sudah tiada perkataan terjemahan lain yang terkandung di dalam bahasa sasaran. Selain itu, sekiranya ia diterjemahkan kepada perkataan lain, maka keunikan perkataan tersebut akan terpadam di dalam sari kata bahasa sasaran. Penterjemah mengekalkan penggunaan ‘quran’ adalah untuk memberi suatu perspektif bahawa ‘quran’ merupakan sebuah kitab suci yang terdapat di dalam agama Islam sahaja. Oleh itu, dengan menggunakan perkataan ‘quran’, maka ia dapat memberi suatu pengetahuan yang baru dalam kalangan penonton sasaran bahawa ‘quran’ merupakan sebuah kitab suci yang hanya digunakan di dalam Islam sahaja.

Seterusnya adalah data S3:1:00:36 yang mengandungi ujaran di dalam bahasa sumbernya iaitu “Kalau ada satu jatuh, satu penampar Bugis aku jatuh ke muka korang” dan terjemahannya dalam sari kata bahasa sasaran iaitu “*If one falls, one Bugis slap will befall on your face*”. Strategi peniruan dapat dilihat apabila penterjemah menggunakan perkataan ‘Bugis’ di dalam kedua- dua bahasa iaitu bahasa sumber dan bahasa sasaran. Seperti yang diketahui, ‘Bugis’ merupakan sebuah nama negara atau tempat. Oleh itu, perkataan ‘Bugis’ dikekalkan di dalam kedua- dua bahasa terutamanya di dalam sari kata bahasa sasaran. Sekiranya perkataan ‘Bugis’ digugurkan, maka unsur yang ingin disampaikan akan menjadi tergantung walaupun perkataan ‘tampar’ atau ‘slap’ dikekalkan. Hal ini demikian kerana, perkataan ‘Bugis’ ditambah di dalam ujaran tersebut bagi menjadikan ujarannya menjadi lebih menarik serta menarik minat penonton untuk menonton dengan lebih lanjut. Begitu juga dengan perkataan ‘Bugis’ yang dikekalkan di dalam sari kata bahasa sasaran, ia bertujuan yang sama seperti yang dinyatakan.

Tambahan pula, data bagi D4:19:04 iaitu “ Terima kasih, Tun Mamat ” dan terjemahannya di dalam sari kata bahasa sasaran iaitu “ *Thank you, Tun Mamat* ”, data A2:1:27:34 iaitu “Hancur lah hati kami, menyembah Sultan Melaka yang kami cintai, tanpa Gusti Puteri sebagai Permaisuri” dan terjemahannya iaitu “*It will break our hearts to return to our beloved Sultan without you, Gusti Puteri, as his queen*” turut menggunakan strategi peniruan di dalam terjemahan sari katanya. Hal ini dapat dilihat apabila data di atas yang mengandungi ujaran ‘Tun Mamat’ turut dikekalkan perkataan tersebut di dalam sari kata bahasa sasaran. Begitu juga dengan ‘Sultan’ dan ‘Gusti Puteri’ yang turut dikekalkan di dalam sari kata bahasa sasaran. Hal ini dilakukan supaya pemahaman penonton mengenai watak- watak

tertentu dapat ditingkatkan sekaligus mengelakkan penonton daripada keliru dengan watak-watak berkenaan. Maka, strategi peniruan digunakan bagi memastikan bahawa setiap watak dapat difahami oleh penonton serta untuk mengekalkan keunikan sistem panggilan yang tertentu di dalam masyarakat Melayu. Sekiranya ia digugurkan atau digantikan dengan sistem panggilan seperti ‘you’, ‘i’, ‘him’, ‘her’ dan sebagainya, keunikan nama tertentu tidak dapat dilihat di dalam sari kata bahasa sasaran dan penggunaan kata ganti nama sedemikian adalah terlalu umum. Oleh itu, strategi peniruan digunakan bagi mengekalkan perkataan- perkataan yang mengandungi nama khas agar keunikannya dapat dikekalkan walaupun di dalam sari kata.

#### IV. Strategi Penyesuaian (Dislocation)

Strategi penyesuaian membolehkan penyari kata untuk menggunakan perkataan yang dirasakan sesuai dengan struktur ayat dari bahasa sumber. Ini bermaksud, penyari kata juga boleh mengubah atau memendekkan struktur ayat dalam bahasa sasaran, namun tidak mengubah maksud yang ingin disampaikan.

**Jadual 10 : Strategi Penyesuaian**

BIL	DATA	BAHASA SUMBER	BAHASA SASARAN
1.	D3:14:11	<i>“Bonda cari tu kat Istana”.</i>	<i>“Your mother looks for you in the palace”.</i>
2.	K1:1:12:43	<i>“Baguslah Cu. Taat yang tiada kesudahan, tiada penghujungnya”.</i>	<i>“Well, good for you, my child. Your loyalty is infinite, endlessly”.</i>
3.	K11:23:14	<i>“Kembang mekar bunga Melati”.</i>	<i>“Pretty is the rose in blossom”</i>

Berdasarkan jadual 10 di atas, terdapat ujaran yang menggunakan strategi penyesuaian bagi menterjemahkan ujaran di dalam bahasa sumber ke sari kata dalam bahasa sasaran, antaranya adalah data D3:14:11 iaitu “bonda cari tu kat Istana” dan terjemahan sari katanya iaitu “*your mother looks for you in the palace*”. Ujaran pada data D3 ini dianggap menggunakan strategi penyesuaian kerana ujarannya di dalam bahasa sumber diterjemah dengan menambah perkataan lain bagi menjadikan struktur ayat di dalam sari kata bahasa sasaran adalah tepat. Misalnya, ‘bonda cari tu kat Istana’ diterjemah kepada ‘*your mother looks for you in the palace*’. Sekiranya sari kata ‘*your mother looks for you in the palace*’ diterjemah ke bahasa Melayu, ia akan menjadi ‘bonda cari kamu di istana’. Namun begitu, bagi menterjemah ujaran yang terkandung di dalam bahasa sumber seperti yang ditunjuk pada data D3, maka penterjemah menggunakan strategi penyesuaian bagi menyesuaikan ujaran bahasa sumber di dalam sari kata bahasa sasaran agar struktur bahasanya adalah tepat.

Bukan itu sahaja, data bagi K1:1:12:43 iaitu “Baguslah Cu. Taat yang tiada kesudahan, tiada penghujungnya” dan terjemahannya ke sari kata bahasa sasaran iaitu “*Well, good for you, my child. Your loyalty is infinite, endlessly*” turut menggunakan strategi penyesuaian. Penggunaan strategi penyesuaian dapat dilihat melalui ujaran ‘baguslah, cu’ dan terjemahannya ke bahasa sasaran iaitu ‘*well, good for you, my child*’. Ujaran tersebut dikatakan menggunakan strategi penyesuaian kerana terdapat penambahan leksikal di dalam sari kata bahasa sasaran seperti ‘*well, good for you, my child*’. Tambahan pula, umumnya mengetahui bahawa ‘*my child*’ membawa maksud sebagai ‘anakku’, namun penggunaan ‘*my child*’ di dalam konteks ini merujuk kepada ‘cu’ iaitu ‘cucu’ mengikut kesesuaian konteks ayatnya. Oleh yang demikian, strategi penyesuaian amat sesuai digunakan bagi menterjemah ayat mengikut struktur yang tepat walaupun berlakunya perubahan dari segi struktur di antara bahasa sumber dan bahasa sasaran, namun tidak mengubah makna ayat sebenar.

Seterusnya merupakan data K11:23:14 yang terdapat pada jadual 10 di atas. Ujaran tersebut adalah “Kembang mekar bunga Melati” dan diterjemahkan kepada sari kata bahasa sasaran iaitu “*Pretty is the rose in blossom*”. Ujaran di atas merupakan sebuah ujaran yang menggunakan strategi penyesuaian bagi menterjemahkan ujaran yang terdapat di dalam bahasa sumber. Data K11 dikatakan menggunakan strategi penyesuaian kerana dapat dilihat bahawa perkataan seperti ‘Melati’ diterjemahkan kepada ‘*rose*’ mengikut strategi penyesuaian. Hal ini dapat dilihat apabila, perkataan ‘Melati’ tidak digunakan di dalam sari kata bahasa sasaran, sebaliknya menyesuaikan mengikut padanan di dalam bahasa sasaran sebagai ‘*rose*’. Hal ini demikian kerana, penggunaan perkataan ‘*rose*’ akan memudahkan



penonton bahasa sasaran. Maka, penonton akan mempunyai bayangan gambaran bunga-bunga seperti yang dinyatakan di dalam sari kata tersebut. Begitu juga dengan keseluruhan ayat yang diterjemahkan mengikut strategi penyesuaian dan bukanlah secara literal. Sekiranya ujaran tersebut diterjemah secara literal, maka makna puitis ujaran tersebut tidak dapat disampaikan di dalam sari kata bahasa sasaran. Terjemahannya turut akan menjadi kaku.

Maka dengan itu, strategi penyesuaian amat sesuai untuk digunakan walaupun struktur ayat akan berubah, namun penyampaian makna adalah sama dan akan dapat menimbulkan kesan yang sama seperti yang terdapat pada bahasa sumber.

## V. Strategi Pengguguran

Strategi ini menjadikan sari kata yang dihasilkan itu berbeza dan mempunyai ciri-ciri tertentu yang boleh dilihat, yang membezakan strategi pengguguran dengan strategi lain. Terdapat beberapa elemen yang sering digugurkan misalnya awalan perkataan bagi sesuatu ujaran, nama-nama dan watak tertentu.

**Jadual 11 : Strategi Pengguguran**

BIL	DATA	BAHASA SUMBER	BAHASA SASARAN
1.	Kl 3:42:38	<i>“Bolehkah anakanda habiskan satu jus al- quran lagi?”</i>	<i>“Can you recite another verse of Quran?”.</i>
2.	D7: 14 : 08	<i>“Mari, pakai ni dulu”.</i>	<i>“Put this on”.</i>

Berdasarkan sari kata daripada filem yang dikaji, terdapat sebuah ujaran yang diterjemahkan ke sari kata bahasa sasaran dengan menggunakan strategi pengguguran. Misalnya, ujaran bahasa sumber iaitu *“Bolehkah anakanda habiskan satu jus al- quran lagi?”* dan terjemahannya ke sari kata bahasa sasaran iaitu *“Can you recite another verse of the Quran?”* menggunakan strategi pengguguran. Hal ini dapat dilihat apabila perkataan ‘al-Quran’ yang terdapat di dalam ujaran bahasa sumber diterjemahkan kepada ‘quran’ sahaja di dalam sari

kata bahasa sasaran. Oleh itu, strategi pengguguran berlaku apabila perkataan ‘al’ digugurkan di dalam sari kata bahasa sasaran. Hal ini dilakukan kerana penterjemah merasakan bahawa dengan membuang perkataan ‘al’ tersebut, maka ia akan dapat menjimatkan ruang di dalam sari kata bahasa sasaran, di samping itu penggugurannya tidak akan menjejaskan makna yang terkandung di dalam bahasa sumber mahupun bahasa sasaran. Melalui penggunaan perkataan ‘quran’ sahaja, penonton sudah dapat memahaminya tanpa merasakan bahawa perkataan tersebut janggal walaupun tanpa perkataan ‘al’.

Begitu juga dengan data D7 yang terdapat pada jadual 11 di atas. Data tersebut juga mengandungi ujaran yang digugurkan perkataannya apabila diterjemah ke sari kata bahasa sasaran. Misalnya, ujaran “Mari, pakai ni dulu” diterjemah ke sari kata bahasa sasaran iaitu “*Put this on*”. Jika dilihat, terdapat perkataan ‘mari’ pada ujaran bahasa sumber seperti yang terdapat pada jadual 11 di atas, namun perkataan tersebut digugurkan apabila ia diterjemah ke sari kata bahasa sasaran. Namun begitu, penggugurannya tidak menyebabkan ayat menjadi tergantung atau janggal apabila dibaca. Hal ini demikian kerana, pengguguran perkataan tersebut tetap membolehkan makna dapat disampaikan ke sari kata bahasa sasaran. Tambahan pula, perkataan ‘mari’ tidaklah memainkan peranan yang penting di dalam ujaran tersebut. Ia hanyalah sekadar perkataan yang mengandungi unsur ajakan.

## **4.2 Kesimpulan**

Secara kesimpulannya, terdapat jenis – jenis makna tertentu yang diperoleh dari sari kata filem yang dikaji tersebut. Selain itu, setiap perkataan atau ayat yang diperoleh pada sari kata tersebut mempunyai makna – makna yang berikut mengikut kategorinya yang tersendiri. Begitu juga dengan strategi terjemahan makna. Terdapat pelbagai strategi terjemahan makna yang digunakan bagi menterjemah jenis- jenis makna yang diperoleh dari ujaran bahasa sumber ke sari kata bahasa sasaran. Namun begitu, tidak kesemua jenis- jenis makna serta strategi terjemahan makna yang disenaraikan mengikut teori yang digunakan adalah dijumpai di dalam filem ini. Hal ini demikian kerana, tidak kesemua ujaran mengandungi makna- makna seperti yang diklasifikasikan oleh Leech (1974) dan tidak kesemua strategi adalah diguna pakai seperti yang disarankan oleh Gottlieb (1992). Oleh itu, dapatan hanya menyenaraikan jenis- jenis makna serta strategi terjemahan tertentu sahaja yang terdapat pada sari kata filem tersebut.

## **BAB V**

### **KESIMPULAN**

#### **5.0 Pengenalan**

Bab ini akan menjelaskan tentang kesimpulan bagi kesemua dapatan atau hasil kajian yang diperoleh secara menyeluruh. Dengan berpandukan kajian lepas, objektif kajian beserta metodologi kajian yang dilakukan untuk mengkaji aspek makna dan strategi terjemahan tersebut, didapati serta dapat dibuktikan bahawa keseluruhan aspek tersebut adalah tepat penggunaannya untuk melaksanakan kajian ini. Tambahan pula, dari segi penilaian terhadap ketepatan objektif kajian, kepentingan kajian dan saranan kajian pada masa hadapan juga turut dinyatakan di dalam bab ini.

#### **5.1 Rumusan Dapatan Kajian**

Berdasarkan analisis data yang telah dilaksanakan, didapati bahawa data kajian yang dikaji mempunyai aspek makna yang tertentu mengikut jenis- jenisnya beserta strategi terjemahan yang digunakan bagi aspek makna yang berikut. Selain itu, turut didapati bahawa kedua- dua objektif kajian yang disenaraikan telah dicapai dengan tepat berpandukan penggunaan teori yang sesuai bagi mensahihkan dapatan kajian yang diperoleh. Maka dengan itu, kajian ini dilakukan untuk membuktikan bahawa sememangnya terdapat elemen makna beserta strategi terjemahannya di dalam sari kata filem yang dikaji.

Selain itu, bagi memastikan kajian yang dilakukan ini benar- benar memenuhi objektif kajian seperti yang dinyatakan, maka kajian dilakukan dengan meneliti sari kata filem yang dikaji secara berulang kali. Hal ini dilakukan adalah untuk memastikan bahawa setiap pemilihan perkataan atau ayat yang dikutip adalah benar- benar mengikut objektif kajian bagi jenis- jenis makna.

Secara umumnya, objektif kajian bagi tajuk kajian ini adalah untuk mengenalpasti jenis- jenis makna yang terdapat pada sari kata filem Puteri Gunung Ledang dan menganalisis strategi terjemahan makna yang digunakan di dalam sari kata filem Puteri Gunung Ledang. Maka

dengan itu, bab ini akan menyimpulkan secara ringkasnya akan hasil dapatan kajian yang diperoleh berdasarkan kajian yang dilakukan.

Hasil daripada data- data yang diperoleh, didapati bahawa terdapat leksikal kata atau ayat yang digunakan di dalam sari kata filem Puteri Gunung Ledang adalah menepati objektif kajian yang pertama iaitu mengenalpasti jenis- jenis makna. Antaranya adalah makna denotasi. Secara ringkasnya makna denotasi bermaksud makna kamus atau makna yang jelas serta dapat dibayangi di dalam fikiran manusia yang mendengarnya. Oleh itu, makna denotasi kerap dijumpai di dalam sari kata filem tersebut berikutan dengan maknanya yang jelas dan tidak mengandungi makna yang lain. Sememangnya di dalam sesuatu ujaran, terdapat pelbagai perkataan atau ayat yang mengandungi makna denotasi iaitu makna yang jelas. Hal ini demikian kerana, perkataan- perkataan tersebut merupakan perkataan yang sering digunakan di dalam konteks perbualan di antara dua orang penutur. Bukan itu sahaja, penggunaan perkataan yang jelas akan turut membantu pendengar memahami akan butir bicara sesuatu ujaran, maka sesuatu komunikasi akan menjadi berkesan. Berbalik kepada sari kata filem Puteri Gunung Ledang, didapati bahawa terdapat banyak penggunaan perkataan yang mengandungi makna denotasi di dalam perbualan ataupun ujarannya.

Seterusnya, makna berikutnya adalah makna konotasi. Makna konotasi bermaksud sesuatu perkataan yang mengandungi makna tersirat dan makna ini turut dijumpai di dalam sari kata filem Puteri Gunung Ledang. Makna tersirat juga sering digunakan namun bergantung juga kepada konteks berlakunya ujaran tersebut. Tambahan pula, makna tersirat hanya difahami apabila seseorang mengetahui konteks penceritaan secara menyeluruh kerana tanpa konteks, sesuatu ujaran yang mengandungi makna konotasi gagal untuk dianalisis. Begitu juga dengan makna konotasi yang terdapat di dalam sari kata filem tersebut, makna konotasi dapat difahami apabila memahami konteks jalan ceritanya. Selain itu, Puteri Gunung Ledang merupakan sebuah filem yang bertemakan konsep klasik Melayu lama, maka lebih banyak penggunaan perkataan yang membawa makna konotasi digunakan. Hal ini demikian kerana, tujuan penggunaannya adalah untuk memperlihatkan kesopanan dan adab dalam percakapan seseorang dengan menggunakan perkataan yang mengandungi makna tersirat.

Selain itu, makna afektif turut terdapat di dalam sari kata filem yang dikaji. Secara ringkasnya, makna afektif membawa maksud kata- kata yang mengandungi unsur emosi serta dapat mempengaruhi emosi individu yang mendengarnya. Hal ini yang terdapat di dalam sari kata filem tersebut apabila wujudnya perkataan- perkataan yang mengandungi makna afektif.

Makna afektif tersebut boleh menimbulkan rasa gembira, misalnya apabila mendengar ungkapan cinta, seterusnya rasa gerun apabila mendengar kata- kata yang mengandungi unsur ancaman, rasa sedih dan sebagainya yang terdapat di dalam filem tersebut. Oleh itu, sari kata bagi filem tersebut turut menggunakan makna afektif bagi tujuan mempengaruhi penonton sekaligus menjadikan kajian ini lengkap dengan unsur makna afektif yang terkandung di dalamnya. Seterusnya merupakan jenis- jenis makna bagi makna kolokasi. Makna kolokasi adalah gabungan daripada dua perkataan yang digabungkan, namun mempunyai gandingan kolokasi yang tepat. Jenis- jenis makna bagi makna kolokasi ini turut dijumpai di dalam sari kata filem yang dikaji. Namun begitu, gandingan antara dua kata yang membawa makna kolokasi ini adalah jarang sekali untuk ditemui di dalam sari kata tersebut. Hal ini demikian kerana, kata- kata di dalam filem tersebut lebih menggunakan perkataan yang mengandungi maknanya tersendiri. Tambahan pula, di dalam filem yang bertemakan Melayu klasik ini, percampuran di antara ujaran di dalam bahasa Melayu dan bahasa Jawa menyebabkan sukar untuk ditentukan makna kolokasinya, namun mengikut analisis yang telah dilakukan, sememangnya makna kolokasi adalah jarang digunakan.

Tambahan pula, makna stilistik turut diguna pakai di dalam sari kata filem tersebut. Stilistik merupakan penggunaan perkataan atau ayat yang mengandungi unsur- unsur yang memperlihatkan watak seseorang sebagai seorang yang merendah diri. Tidak kurang juga dengan penggunaan perkataan yang menggunakan perkataan yang memperlihatkan sifat seseorang sebagai seorang yang perengus. Pendek kata, sifat atau watak seseorang adalah bergantung kepada penggunaan bahasa atau perkataan yang digunakan di dalam tutur katanya. Oleh itu, filem ini sudah tentu mengandungi makna stilistik kerana konteks pemceritaannya adalah di dalam istana, maka sudah tentu banyak perkataan atau ayat yang diguna pakai apabila ingin bertutur dengan seseorang yang lebih tinggi status sosialnya seperti Raja, Sultan ataupun kerabat diraja. Tidak kurang juga dengan penggunaan perkataan yang kasar dalam kalangan pembesar terhadap orang suruhannya dan hal ini turut termasuk di dalam makna stilistik.

Terakhir adalah makna figuratif. Secara ringkasnya, makna figuratif merupakan makna bagi kata atau frasa yang mengandungi makna lain atau makna tersirat. Namun begitu, makna figuratif ini bukanlah dijumpai di dalam kata ujaran yang biasa, bahkan dijumpai di dalam peribahasa seperti kiasan, bidalan, simpulan bahasa, metafora dan sebagainya. Maka dengan itu, hal ini turut memperlihatkan makna figuratif yang dijumpai di dalam sari kata filem tersebut. Hal ini bersesuaian dengan konsep Melayu lama yang kebanyakannya menggunakan

kata- kata berunsurkan peribahasa bagi memberi gambaran terhadap sesuatu perkara. Bukan itu sahaja, peribahasa merupakan kebiasaan yang sering diamalkan dalam kalangan penutur Melayu klasik dalam bertutur dan hal ini turut memperlihatkan keindahan dalam berbicara. Bukan itu sahaja, makna figuratif bukanlah diguna untuk berkata- kata semata- mata, bahkan lebih kepada ingin menyampaikan sesuatu hasrat hati, kemahuan, luahan atau penolakan terhadap sesuatu perkara. Maka dengan itu, wujudnya makna figuratif yang mengandungi makna lain selain daripada makna harfiahnya.

Selain itu, data- data yang diperoleh juga turut menepati objektif kajian yang kedua iaitu menganalisis strategi terjemahan makna yang digunakan di dalam sari kata filem Puteri Gunung Ledang. Bab ini akan menerangkan secara ringkas mengenai dapatan kajian yang diperoleh berdasarkan strategi terjemahan makna yang digunakan. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat strategi terjemahan makna yang tertentu yang digunakan di dalam sari kata filem tersebut mengikut kesesuaiannya. Antaranya, adalah strategi terjemahan pemindahan. Strategi ini sering digunakan di dalam terjemahan sari kata bagi makna tertentu kerana ia merupakan strategi yang membenarkan penyari kata menterjemah secara terus atau secara literal akan sesuatu ujaran ke sari kata bahasa sasaran. Melalui strategi ini, maka setiap perkataan yang terdapat di dalam ujaran tersebut adalah tidak digugurkan atau ditambah dengan mana- mana perkataan yang lain. Maka, kajian ini mendapati bahawa terdapat banyak ujaran yang mangandugi makna- makna tertentu yang diterjemah melalui strategi pemindahan.

Bukan itu sahaja, dapatan kajian turut mendapati bahawa strategi parafrasa turut digunakan terutamanya di dalam terjemahan ke sari kata bahasa sasaran. Hal ini demikian kerana, penterjemah perlu menterjemah ujaran yang tidak boleh diterjemah menggunakan bentuk sintaksis yang sama. Maka, penterjemah memilih strategi parafrasa bagi memastikan bahawa setiap ujaran dapat diterjemah mengikut struktur atau bentuk sintaksis yang betul mengikut hukum tatabahasa di dalam bahasa sasaran. Sekiranya penterjemah menterjemah ujaran secara literal, maka ujaran tidak dapat diterjemah mengikut makna yang sama, sebaliknya akan menjadikan struktur ayat tidak tepat atau menjadi sonsang apabila dibaca. Seterusnya adalah strategi peniruan yang diguna pakai oleh penterjemah di dalam menterjemah ujaran bahasa sumber ke bahasa sasaran. Seperti yang telah dinyatakan, strategi peniruan adalah strategi terjemahan yang digunakan apabila penyari kata menyalin semula ujaran dalam bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran tanpa mengubah sebarang struktur ayat. Maka, strategi ini diaplikasikan di dalam terjemahan sari kata bahasa sasaran khususnya untuk mengekalkan

nama- nama khas yang mempunyai sistem panggilannya yang tertentu. Misalnya, Sultan, Gusti Puteri, Melaka dan sebagainya yang mewakili golongan nama khas. Strategi ini dilakukan bagi mengekalkan keunikan nama- nama khas tertentu yang terdapat di dalam ujaran bahasa sumber dan untuk diberi sebagai pengetahuan kepada penonton golongan bahasa sasaran.

Tambahan pula, strategi penyesuaian turut digunakan di dalam menterjemah ke sari kata bahasa sasaran. Strategi ini membolehkan penyari kata untuk menggunakan perkataan yang dirasakan sesuai dengan struktur ayat dari bahasa sumber. Berdasarkan strategi ini, ujaran dapat dipendekkan atau diubah mengikut kesesuaian kata di dalam sari kata bahasa sasaran. Terdapat banyak data yang diterjemah menggunakan strategi ini. Hal ini demikian kerana, tidak kesemua ujaran yang terdapat di dalam bahasa sumber turut terdapat di dalam bahasa sasaran. Maka, strategi ini amat penting untuk digunakan bagi memastikan bahawa perkataan yang tidak terdapat di dalam bahasa sasaran dapat disesuaikan dengan perkataan lain agar maksud yang ingin disampaikan adalah sama.

Terakhir merupakan strategi pengguguran. Strategi ini dilakukan dengan menggugurkan perkataan- perkataan yang terdapat di dalam ujaran bahasa sumber apabila diterjemah ke sari kata bahasa sasaran. Terdapat beberapan elemen yang sering digugurkan, misalnya awalan sesuatu perkataan di dalam sesebuah ayat yang terdiri daripada kata seruan, nama- nama atau watak tertentu sekiranya data yang digunakan adalah filem. Strategi ini boleh digunakan kerana ia tidak akan menjejaskan makna atau maklumat asal. Oleh itu, penterjemah harus bijak menterjemah dengan menggugurkan perkataan tertentu tanpa mengelirukan penonton dengan makna yang ingin disampaikan.

Namun begitu, kajian ini turut memperlihatkan bahawa terdapat juga strategi- strategi terjemahan yang lain yang tidak diguna pakai di dalam sari kata bahasa sasaran tersebut. Misalnya strategi pengembangan yang menambah sesuatu perkataan lain sebagai maklumat tambahan, strategi pemecahan yang menjadikan sari kata bercampur dengan elemen lain seperti muzik, syair atau sebagainya, strategi ringkasan yang meringkaskan sesuatu ujaran apabila diterjemah ke sari kata bahasa sasaran, strategi transkripsi yang melibatkan penggunaan bahasa ketiga di dalam ujarannya dan terakhir merupakan strategi putus asa.

Oleh itu, jelaslah bahawa dapatan kajian yang diperoleh pada bab IV adalah tepat berdasarkan objektif kajian yang disenaraikan iaitu mengenalpasti jenis- jenis makna serta menganalisis strategi terjemahan makna yang terdapat di dalam sari kata filem Puteri Gunung Ledang.

## **5.2 Sumbangan Kajian**

Kajian ini merupakan salah satu bidang terjemahan dan semantik yang memfokuskan kepada jenis- jenis makna dan kaedah terjemahan makna. Oleh itu, kajian ini dilihat dapat memberi pengetahuan yang luas beserta maklumat tambahan kepada pembaca mengenai aspek makna yang tertentu.

Secara keseluruhannya, kajian ini telah memberi sumbangan terhadap bidang terjemahan dan semantik. Hal ini demikian kerana, kajian ini telah melakukan sebuah kajian baru yang menggabungkan jenis- jenis makna beserta strategi terjemahan makna. Hal ini masih belum dilakukan oleh pengkaji sebelum ini dan ia membuka satu cabang kajian yang baru bagi mempergiatkan lagi usaha mengkaji aspek makna secara meluas. Oleh itu, kajian ini memainkan peranan sebagai penyumbang terhadap bidang terjemahan dan semantik yang baru dengan merungkaikan aspek berkaitan jenis- jenis makna dan strategi terjemahan makna sekaligus.

## **5.3 Cadangan dan Lanjutan**

Kajian mengenai aspek makna dan strategi terjemahan makna perlu diperluaskan lagi dalam kalangan pengkaji. Hal ini dapat dilakukan dengan menjadikan filem, teks penulisan, novel dan sebagainya sebagai data kajian. Pengkaji perlu melakukan kajian yang lebih mendalam mengenai jenis- jenis makna yang terlibat di dalam data kajian yang dipilih agar skop bagi jenis- jenis makna ini dapat dilihat dengan luas. Bukan itu sahaja, kajian mengenainya juga akan memperlihatkan bahawa terdapat banyak perkataan atau ayat yang mengandungi atau membawa makna- makna yang tertentu. Hal ini dikatakan penting kerana ia dapat menambahkan lagi bidang ilmu bahasa. Selain itu, melalui kajian ini, hal ini dapat dilihat sebagai bahasa merupakan bidang ilmu yang meluas, manakan tidaknya, bermula dari satu perkataan, ia sudah dapat membawa makna yang tertentu dan setiap makna juga mempunyai kategorinya tersendiri mengikut jenis- jenis maknanya. Begitu juga dengan kajian yang melibatkan strategi penterjemahan, kajian mengenainya perlu dipertingkatkan agar kajian tersebut dapat dijadikan sebagai panduan dalam kalangan penterjemah baik sari kata filem mahupun dalam bentuk penulisan sesebuah buku.

Selain itu, pusat- pusat bahasa seperti Dewan Bahasa dan Pustaka mahupun Institut Pengajian Tinggi Awam atau Institut Pengajian Tinggi Swasta perlu memperbanyakkan lagi bahan- bahan



seperti buku, prosiding, tesis, jurnal dan sebagainya yang berkaitan dengan bidang terjemahan terutamanya dari segi makna dan strategi terjemahan makna. Hal ini demikian kerana, dengan adanya koleksi bahan yang berkenaan, hal ini dapat menimbulkan minat dalam kalangan pelajar untuk mengenali atau mengkaji dengan lebih mendalam mengenai aspek makna dan strategi terjemahan makna di dalam sesuatu sari kata. Bukan itu sahaja, koleksi bahan berkenaan turut dapat membantu pelajar untuk mendapatkan bahan dengan mudah tanpa perlu membuang masa untuk ke pusat- pusat bahasa yang menyediakan bahan berkenaan. Dengan adanya kemudahan ini, pelajar yang terutamanya dalam kalangan penuntut dalam bidang linguistik akan lebih bersungguh- sungguh untuk mendalami ilmu terjemahan dan semantik berikut. Hal tersebut dapat dilakukan dengan memperuntukkan sebuah tempat khusus untuk ilmu- ilmu yang berkaitan dengan bahasa dan dibahagikan mengikut bidang ilmu tertentu dengan penjilidan buku yang betul. Oleh itu, pelajar tidak akan keliru atau berasa sukar untuk mendapatkan bahan kajian yang ingin dicari. Tambahan pula, strategi tersebut akan lebih kelihatan sistematik dan tersusun.

Seterusnya, pihak- pihak yang bertanggungjawab dalam bidang ilmu bahasa perlu mewujudkan sebuah laman bahasa pada rangkaian internet yang membolehkan para pelajar mahupun orang awam dapat mengakses pada bila- bila masa sahaja dan di mana jua. Laman bahasa tersebut dapat dilakukan dengan membahagikannya mengikut bidang ilmu masing- masing yang terdapat di dalam ruang lingkup linguistik dan bahasa. Pada laman tersebut juga, segala ilmu yang berkaitan dengan aspek makna dan strategi menterjemah perlu dimuat turun dari segala bentuk misalnya, tesis, buku, jurnal, prosiding, makalah dan sebagainya yang berkaitan dengannya. Bukan itu sahaja, laman tersebut juga harus mengumpul segala bahan kajian yang terdapat baik di dalam mahupun di luar negara secara setempat, namun masih tersusun dan teratur. Perkara tersebut dilakukan adalah untuk memudahkan pelajar atau orang awam mencarinya dengan mudah dan cepat. Dengan hanya menaip tajuk- tajuk tertentu, maka segala keputusan yang berkaitan dengan tajuk kajian akan tersenarai dengan pantas dan mudah.

Tambahan pula, pihak yang terlibat dengan bidang linguistik dan bahasa ini harus lebih banyak melaksanakan ‘Kempen Cintakan Bahasa’ dalam kalangan pelajar. Melalui kempen tersebut, maka pelajar dapat mendekati dengan bidang ilmu terjemahan dan semantik dengan mudah sekaligus dapat menanyakan soalan- soalan yang berkaitan dengannya. Dengan adanya kempen tersebut, maka inilah peluang untuk memperkembangkan lagi ilmu makna dan strategi terjemahannya dalam kalangan pelajar. Apabila mereka mendapat pendedahan, maka

mereka akan berani serta mempunyai minat untuk mencuba. Namun, perkara yang menjadi permasalahannya adalah apabila pihak- pihak tertentu tidak mencuba untuk mengenengahkan bidang ilmu terjemahan yang melibatkan strategi penterjemahan serta bidang semantik yang melibatkan jenis- jenis makna tertentu. Oleh itu, pelajar dari kursus bahasa terutamanya tidak mengetahui bahawa skop terjemahan dan semantik adalah luas sebenarnya. Sekiranya mereka diberikan pendedahan mengenainya, maka mereka akan melakukan kajian berkaitan dengan jenis- jenis makna dan strategi menterjemah makna tersebut sekaligus dapat dijadikan panduan dalam kalangan mereka yang ingin menterjemah sesuatu sari kata filem mahupun teks bertulis dari bahasa sumber ke bahasa sasaran.

Oleh hal yang demikian, dengan segala cadangan yang telah dinyatakan, maka diharapkan agar pihak tertentu dapat mengambil inisiatif atau membuka mata mengenainya. Selain itu, oleh disebabkan kajian mengenai jenis- jenis makna dan strategi menterjemah makna adalah kurang dijalankan dalam kalangan pengkaji sebelum ini, maka diharapkan agar kajian yang mendatang akan melakukan kajian yang serupa dengan menggunakan data kajian yang berlainan, namun masih menggunakan teori Geoffrey Leech (1974) dan Gottlieb (1992) untuk mengkaji jenis- jenis makna dan strategi menterjemah makna tersebut. Hal ini demikian kerana, kajian yang dilakukan ini tidak menjumpai keseluruhan jenis- jenis makna yang disenaraikan oleh Geoffrey Leech, maka diharapkan pada kajian yang akan datang, kesemua jenis- jenis makna dijumpai sebagai dapatan kajian.

#### **5.4 Kesimpulan**

Kesimpulannya, didapati bahawa kajian ini telah menepati objektif kajian yang dinyatakan iaitu mengenalpasti jenis- jenis makna dan strategi menterjemah makna yang terdapat di dalam sari kata filem ‘Puteri Gunung Ledang’.

Bukan itu sahaja, kajian ini dilakukan adalah untuk dijadikan panduan dalam kalangan penterjemah ataupun bakal pengkaji akan datang yang ingin melakukan kajian mengenai aspek makna serta strategi menterjemah makna yang digunakan. Hal ini turut dapat membantu penterjemah agar menterjemah dengan tepat dan sesuai mengikut konteksnya bagi menghasilkan mutu penterjemahan yang berkualiti serta dapat memuaskan hati penonton yang membacanya.

## RUJUKAN

- Hasuria Che Omar et al,2007. Penyarikataan. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Wan Amizah Wan Mahmud. 1998. Kaedah Penterjemahan Sari Kata Dokumentari dan Komedi Semasa di Televisyen : Satu Kajian Perbandingan, Tesis, M.A, Universiti Malaya.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga. 1994. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasuria Che Omar et al,2009. Kelestarian Bidang Penterjemahan : Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke- 12. Kuala Lumpur : Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Norizah Ardi et al. 2009. Pengantar Prinsip Penterjemahan. Kuala Lumpur. August Publishing.
- Nida, E.A. 1964. Toward A Science of Translation. Leiden : EJ Brill.
- Taylor, E.B (1924). Primitive Culture.[orig. 1871]. 2 vols. Edisi ke- 7. New York. Brentano's.
- Norhayati Alias. 2007. Terjemahan Berganti Sari Kata Dalam Siri Telenovela: Kajian Kesakmaan Makna Dari Bahasa Sepanyol ke Bahasa Melayu. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
- Sarinah Binti Sharif. 2014. Terjemahan Kata Kerja Bahasa Jepun ke Bahasa Melayu dalam Sari Kata Filem Animasi Jepun. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
- Kanchana Devi Sibeperegasam. 2007. Penterjemahan Perkataan Taksa: Satu Analisis Berdasarkan Novel Harry Potter And The Chamber Of Secrets Oleh J.K.Rowling Dan Hasil Terjemahannya Harry Potter Dan Bilik Rahsia. Universiti Sains Malaysia.
- Norizah Ardi et al. 2011. Asas dan Kemahiran Menterjemah. August Publishing Sdn Bhd. Selangor.
- Listiana Srisanti, 2008. Analisis Makna Implisit Pada Novel Harry Potter dan Prisoner of Azkaban.
- Salina Binti Mamat, 2008. Makna Dalam Penterjemahan : Satu Analisis Dalam Filem 'Transformers'.
- Goh Sang Seong , 2013. Kaedah Terjemahan Kata Sendi Bahasa Cina- Bahasa Melayu.

Gottlieb, H. 1992. Subtitling : Teaching Translation and Interpreting : Training, Talent and Experience. Amsterdam/ Philadelphia : John Benjamins

Pusat Rujukan Persuratan Melayu. DBP. <http://prpm.dbp.gov.my>

LAMPIRAN A

MAKNA DENOTASI

MASA	BAHASA SUMBER	BAHASA SASARAN
D:6:26	<i>“Tugas hamba bawa gadis ini kepada ketua hamba”.</i>	<i>“It is my duty to take this girl to my leader, Sir”.</i>
D:10:18	<i>“Kalau memang kuat hembusan angin Melaka, kedatangan Gusti Puteri akan sampai jua ke telinganya”.</i>	<i>“If the winds of Melaka blow strong, news of your arrival will surely reach his ears”.</i>
D:14:11	<i>“Bonda cari tu kat Istana”.</i>	<i>“Your mother looks for you in the palace”.</i>
D:19:04	<i>“Terima kasih, Tun Mamat”.</i>	<i>“Thank you, Tun Mamat”.</i>
D:20:31	<i>“Ampun Tuanku, mutiara tetap mutiara, Tuanku”.</i>	<i>“A pearl will always ne a pearl”.</i>
D:1:43:47	<i>“Hamba mohan maaf, Datuk Bendahara”.</i>	<i>“Forgive me, my Lord Prime Minister”.</i>

LAMPIRAN B

MAKNA KONOTASI

MASA	BAHASA SUMBER	BAHASA SASARAN
K:1:12:43	<i>“Baguslah Cu. Taat yang tiada kesudahan, tiada penghujungnya”.</i>	<i>“Well, good for you, my child. Your loyalty is infinite, endlessly”.</i>
K:47:45	<i>“Perempuan macam apa kamu ini?”</i>	<i>“What kind of a woman are you?”</i>
K:1:06:14	<i>“Seharian berjalan, terasa juga sengal- sengal badan, tanda hamba hampir menjengah senja”.</i>	<i>“Just a day of walking, already my whole body aches, surely a sign I approach my twilight years”</i>
K:1:06:42	<i>“Masakan ayam selari musang”.</i>	<i>“How can a chicken outrun a fox”.</i>
K:1:22:37	<i>“Berpijak juga dinda pasir tanah kanda”.</i>	<i>“Here you are, walking on the land I walk on”.</i>

LAMPIRAN C

MAKNA AFEKTIF

MASA	BAHASA SUMBER	BAHASA SASARAN
A:1:07:41	<i>“Kanda telah menemui cinta di Tanah Jawa”.</i>	<i>“ I have found love on Java”.</i>
A:1:27:34	<i>“Hancur lah hati kami, menyembah Sultan Melaka yang kami cintai, tanpa Gusti Puteri sebagai Permaisuri”.</i>	<i>“It will break our hearts to return to our beloved Sultan without you, Gusti Puteri, as his queen.</i>
A:1:38:16	<i>“Aku yang akan bunuh kamu”.</i>	<i>“I will kill you”.</i>
A:1:56:28	<i>“Semua ini peritnya seperti menelan hempedu”.</i>	<i>“This is all too painful. Like swallowing bile”.</i>
A:2:01:29	<i>“Pilu beta dengar hirisan katamu itu”.</i>	<i>“I am grieved by your harsh words”.</i>

LAMPIRAN D

MAKNA KOLOKASI

MASA	BAHASA SUMBER	BAHASA SASARAN
Kl:23:14	<i>“Kembang mekar bunga Melati”.</i>	<i>“Pretty is the rose in blossom”</i>
Kl:33:30	<i>“Gusti Adipati dari Majapahit di gerbang Istana”.</i>	<i>“His Highness Gusti Adipati of Majapahit is at the palace gates”.</i>
Kl:42:38	<i>“Bolehkah anakanda habiskan satu juz Al- Quran lagi?”</i>	<i>“Can you recite another verse of the Quran?”</i>



LAMPIRAN E

MAKNA STILISTIK

MASA	BAHASA SUMBER	BAHASA SASARAN
S:38:41	<i>“Daulat Tuanku”.</i>	<i>“Long live the Sultan”.</i>
S:38:54	<i>“Ampun Tuanku”.</i>	<i>“Your Majesty”.</i>
S:1:00:36	<i>“Kalau ada satu jatuh, satu penampar Bugis aku jatuh ke muka korang”.</i>	<i>“If one falls, one Bugis slap will befall on your face”.</i>

LAMPIRAN F

MAKNA FIGURATIF

MASA	BAHASA SUMBER	BAHASA SASARAN
F:43:17	<i>“Tak ke mana tumpahnya kuah kalau tak ke nasi,kan?”</i>	<i>“But then again, you are my son”.</i>
F:51:03	<i>“Kalau Melaka izinkan Gusti Puteri mengahwini Pengeran Demak, ia seperti menconteng arang ke muka sendiri”.</i>	<i>“If Melaka allows the Princess, Gusti Puteri to marry Prince Demak, it’d be like smearing coal on our faces”.</i>
F:1:01:02	<i>“Tindakan hamba bukan melulu, kesemuanya hamba susun supaya rambut yang ditarik, tepung tidak berselerak”.</i>	<i>“My actions have not been made in haste. All has been arranged to ensure when a strand of hair is pulled, it will not upset the flour in the bowl”.</i>
F:1:01:02	<i>“Tindakan hamba bukan melulu, kesemuanya hamba susun supaya rambut yang ditarik, tepung tidak berselerak”.</i>	<i>“My actions have not been made in haste. All has been arranged to ensure when a strand of hair is pulled, it will not upset the flour in the bowl”.</i>

LAMPIRAN G

STRATEGI PEMINDAHAN

DATA	BAHASA SUMBER	BAHASA SASARAN
D1:6:26	<i>“Tugas hamba bawa gadis ini kepada ketua hamba”.</i>	<i>“It is my duty to take this girl to my leader, Sir”.</i>
D2:10:18	<i>“Kalau memang kuat hembusan angin Melaka, kedatangan Gusti Puteri akan sampai jua ke telinganya”.</i>	<i>“If the winds of Melaka blow strong, news of your arrival will surely reach his ears”.</i>
K2:47:45	<i>“Perempuan macam apa kamu ini?”.</i>	<i>“What kind of a woman are you?”.</i>
K3:1:06:14	<i>“Seharian berjalan, terasa juga sengal- sengal badan, tanda hamba hampir menjengah senja”.</i>	<i>“Just a day of walking, already my whole body aches, surely a sign I approach my twilight years”.</i>
A3:1:38:16	<i>“Aku yang akan bunuh kamu”.</i>	<i>“I will kill you”.</i>
K13:42:38	<i>“Bolehkah anakanda habiskan satu juz Al- Quran lagi?”</i>	<i>“Can you recite another verse of the Quran?”</i>
S2:38:54	<i>“Ampun Tuanku”.</i>	<i>“Your Majesty”.</i>

S3:1:00:36	<i>“Kalau ada satu jatuh, satu penampar Bugis aku jatuh ke muka korang”.</i>	<i>“If one falls, one Bugis slap will befall on your face”.</i>
F2:51:03	<i>“Kalau Melaka izinkan Gusti Puteri mengahwini Pengeran Demak, ia seperti menconteng arang ke muka sendiri”.</i>	<i>“If Melaka allows the Princess, Gusti Puteri to marry Prince Demak, it’d be like smearing coal on our faces”.</i>
D4:19:04	<i>“Terima kasih, Tun Mamat”.</i>	<i>“Thank you, Tun Mamat”.</i>
A1:1:07:41	<i>“Kanda telah menemui cinta di Tanah Jawa”.</i>	<i>“ I have found love on Java”.</i>
A4:1:56:28	<i>“Semua ini peritnya seperti menelan hempedu”.</i>	<i>“This is all too painful. Like swallowing bile”.</i>
K4:1:06:42	<i>“Masakan ayam selari musang”.</i>	<i>“How can a chicken outrun a fox”.</i>
F3:1:01:02	<i>“Tindakan hamba bukan melulu, kesemuanya hamba susun supaya rambut yang ditarik, tepung tidak berselerak”.</i>	<i>“My actions have not been made in haste. All has been arranged to ensure when a strand of hair is pulled, it will not upset the flour in the bowl”.</i>
K12:33:30	<i>“Gusti Adipati dari Majapahit di gerbang Istana”.</i>	<i>“His Highness Gusti Adipati of Majapahit is at the palace gates”.</i>

<i>D6:1:43:47</i>	<i>“Hamba mohan maaf, Datuk Bendahara”.</i>	“Forgive me, my Lord Prime Minister”.
-------------------	---	---------------------------------------

## LAMPIRAN H

### STRATEGI PARAFRASA

DATA/MASA	BAHASA SUMBER	BAHASA SASARAN
<i>43:17</i>	<i>“Tak ke mana tumpahnya kuah kalau tak ke nasi,kan?”</i>	<i>“But then again, you are my son”.</i>
<i>A5:2:01:29</i>	<i>“Pilu beta dengar hirisan katamu itu”.</i>	<i>“I am grieved by your harsh words”.</i>
<i>S1:38:41</i>	<i>“Daulat Tuanku”.</i>	<i>“Long live the Sultan”.</i>

LAMPIRAN I

STRATEGI PENIRUAN

DATA	BAHASA SUMBER	BAHASA SASARAN
<i>D2:10:18</i>	<i>“Kalau memang kuat hembusan angin Melaka, kedatangan Gusti Puteri akan sampai jua ke telinganya”.</i>	<i>“If the winds of Melaka blow strong, news of your arrival will surely reach his ears”.</i>
<i>F2:51:03</i>	<i>“Kalau Melaka izinkan Gusti Puteri mengahwini Pengeran Demak, ia seperti menconteng arang ke muka sendiri”.</i>	<i>“If Melaka allows the Princess, Gusti Puteri to marry Prince Demak, it'd be like smearing coal on our faces”.</i>
<i>K13:42:38</i>	<i>“Bolehkah anakanda habiskan satu juz al- Quran lagi?”</i>	<i>“Can you recite another verse of the Quran? ”</i>
<i>S3:1:00:36</i>	<i>“Kalau ada satu jatuh, satu penampar Bugis aku jatuh ke muka korang”.</i>	<i>“If one falls, one Bugis slap will befall on your face”.</i>
<i>D4:19:04</i>	<i>“Terima kasih, Tun Mamat”.</i>	<i>“Thank you, Tun Mamat”.</i>
<i>A2:1:27:34</i>	<i>“Hancur lah hati kami, menyembah Sultan Melaka yang kami cintai, tanpa Gusti Puteri sebagai Permaisuri”.</i>	<i>“It will break our hearts to return to our beloved Sultan without you, Gusti Puteri, as his queen”.</i>

LAMPIRAN J

STRATEGI PENYESUAIAN

DATA	BAHASA SUMBER	BAHASA SASARAN
D3:14:11	<i>“Bonda cari tu kat Istana”.</i>	<i>“Your mother looks for you in the palace”.</i>
K1:1:12:43	<i>“Baguslah Cu. Taat yang tiada kesudahan, tiada penghujungnya”.</i>	<i>“Well, good for you, my child. Your loyalty is infinite, endlessly”.</i>
K11:23:14	<i>“Kembang mekar bunga Melati”.</i>	<i>“Pretty is the rose in blossom”</i>
F4:1:09:45	<i>“Jika patah sayap raja wali, bertongkat jua kanda ke mari”.</i>	<i>“Broken may be the wing of the phoenix, in swathe and staff, i’ll head your call”.</i>
K5 :1:22:37	<i>“Berpijak juga dinda pasir tanah kanda”.</i>	<i>“Here you are. Walking on the land I walk on”.</i>



## LAMPIRAN K

### STRATEGI PENGGUGURAN

DATA	BAHASA SUMBER	BAHASA SASARAN
K1 3:42:38	<i>“Bolehkah anakanda habiskan satu jus al- quran lagi?”</i>	<i>“Can you recite another verse of Quran?”.</i>
D7:1 :08	<i>“Mari, pakai ni dulu”.</i>	<i>“Put this on”.</i>